

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 171 ● 1 - 7 JULAI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Cahaya di hujung terowong

**P**ENANTIAN 291 penduduk sejak 2016 bakal berakhir apabila Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kampung Baru bakal berakhir sekali gus peluang memiliki rumah yang lebih selesa akan menjadi realiti.

Meskipun terpaksa menunggu enam tahun, cita-cita mahu melihat bangunan rumah baharu di kawasan itu bakal menjadi kenyataan apabila kerajaan melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) akan meneruskan rancangan pengambilan tanah yang berlandaskan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 3(1)(C) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bagi kumpulan majoriti yang bersetuju dengan tindakan tersebut, tiada kata-kata melainkan kesyukuran disebabkan penantian panjang itu akhirnya memberikan cahaya baharu kepada penduduk yang terlibat.

LAGI BERITA MUKA SURAT 2



Inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan tangani kos sara hidup >> 9, 10 & 11

Catatan  
Ku Seman  
selepas  
menonton Filem  
Mat Kilau >> 6



Jom Heboh  
Putrajaya  
berkonsep  
Keluarga Malaysia >> 20



Kegigihan usahawan  
muda Labuan >> 21

# Penduduk bersyukur kerajaan teruskan usaha bangunkan Kg Sungai Baru

AZLAN ZAMBRY

**P**ROJEK Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kampung Baru yang mencetuskan polemik sejak tahun 2016 bakal dimuktamadkan mengikut lunas undang-undang sekali gus akan mengakhiri episod penantian buat 291 penduduk yang bersetuju dengan program tersebut.

Bagi kumpulan ini yang bernaung di bawah Persatuan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru (PKPHKS), penantian sejak enam tahun itu bakal berakhir apabila tindakan yang diambil nanti akan memberikan pembelaan kepada mereka yang sejak dari awal bersetuju dan menyokong penuh program tersebut.

Menurut pemilik rumah teres, **Mohd Adam Abd Aziz**, 60, berita gembira yang diterima memberikan sinar dan ia berbaloi apabila kesabaran menghadapi cabaran untuk merealisasikan pembangunan semula itu bakal dilaksanakan.

“Tiada kata-kata melainkan saya bersyukur kerana pembangunan Kampung Sungai Baru ini akan menjadi kenyataan.

“Saya juga menaruh harapan tinggi agar kesemua yang terlibat dapat bersama-sama menyokong program ini demi kemajuan Kampung Baru ini,” katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Jelas Mohd Adam, semua pihak tidak sepertinya khawatir dengan pemaju kerana jaminan pembangunan semula ini mendapat perhatian dan sokongan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sejak ia mula dicadangkan pada tahun 2016.

“Memang banyak isu berkait seperti kerisauan mengenai projek terbengkalai, tetapi selepas sesi penerangan dilakukan, perkara itu (terbengkalai) didapati agak sukar kerana semua pihak daripada KWP, Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) akan memantau kemajuan pembangunan ini sehingga ia siap sepenuhnya.

“Difahamkan kekerapan mengenai mesyuarat kemajuan projek itu nanti akan dibuat dan turut disertai wakil penduduk. Jadi bagaimana nak kata projek itu nanti akan terbengkalai sedangkan pihak kerajaan dan syarikat perbankan telah pun meluluskan projek tersebut,” katanya.

Menurut Mohd Adam, pemaju boleh diambil tindakan termasuk dipenjarakan jika sesebuah projek perumahan terbengkalai yang membabitkan kepentingan ramai.

“Ia bukan seperti Projek Talam Corporation satu ketika dahulu. Sekarang ini melalui perundungan dan akta yang ada, Ahli Lembaga Pengarah syarikat pemaju boleh dikenakan hukuman penjara.

Kerajaan juga telah menyediakan Akta Pembangunan Perumahan dan Pemaju perlu membuka akaun dan mesti mempunyai kekuatan kewangan sebelum projek yang melibatkan kepentingan awam ini dilaksanakan.

“Selain itu, melalui prestasi syarikat pemaju, ia jelas mempunyai rekod yang baik dalam melaksanakan projek seperti ini sebagai contoh Residensi Kerinchian yang sedang dilakukan adalah melibatkan Perumahan Awam (Seri Pahang) di Bangsar,” katanya.

Katanya, tawaran pembangunan semula oleh pemaju juga berbaloi dan nilai harta tanah selepas pembangunan akan melonjak sehingga 10 kali ganda daripada nilai asal rumah.

“Sekiranya harga rumah dan tanah ketika ini RM600,000 pada nilai hari ini, selepas siap, ia akan bernilai RM6 juta.

“Sama juga dengan rumah flat, sekarang nilainya RM100,000 hingga RM120,000 maksimum.

Apabila pembangunan selesai kelak, pemaju akan beri sebuah unit rumah yang berharga RM1 juta. Jadi harganya adalah 10 kali ganda dan ianya berbaloi,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Adam menyeru kepada penduduk yang belum menandatangani supaya menghentikan tuntutan dan menerima tawaran yang telah dikemukakan pemaju.

“Bagi saya, semua pihak akan menerima manfaat kerana tawaran pemaju terbukti berbaloi dan sehingga kini, untuk sebuah rumah teres yang dikosongkan, pemaju telah membayar secara bulanan RM2,500 tanpa gagal sejak tahun 2016.

“Tuntutan pampasan yang tinggi ini turut dipercayai melibatkan pertikaian keluarga kerana ada sikap tamak.

“Jadi, hentikanlah tuntutan seperti itu dan berikan sokongan untuk projek ini supaya ia dapat direalisasikan untuk kesejahteraan semua penduduk,” katanya. **WK**

## Pengambilan tanah Kampung Baru diteruskan

**P**EJABAT Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) bersetuju pengambilan tanah bagi Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kampung Baru, di sini, diteruskan kerana proses tersebut dilaksanakan dengan sempurna dan majoriti penduduk bersetuju.

Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, **Datuk Muhamad Yasir Yahya** berkata Projek Pembangunan Semula itu mendapat persetujuan sebahagian besar penduduk kawasan terbabit dan perjanjian usaha sama saha



MAJORITI penduduk yang terdiri daripada pemilik 192 petak rumah pangsa dan 27 unit rumah teres telah bersetuju dengan perjanjian usaha sama bersama pemaju.

jelas, maka pampasan yang mencukupi telah digunakan berdasarkan nilai yang diberikan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH).

“Namun begitu, pihak yang terkait terhadap nilai pampasan ini masih boleh merayu kepada mahkamah dan mahkamah akan menilai semula pampasan berseuaian kepada peraturan,” katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Yasir berkata, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim akan mengadakan pertemuan



LAPORAN khas *Wilayahku* edisi 83 boleh dibaca melalui portal [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my).

dengan penduduk terbabit bagi memberi penerangan untuk membolehkan semua yang terlibat dalam situasi menang-menang.

## Dakwaan PKB ‘diam’ isu 34 pemilik lot teres mengelirukan

**JAWATANKUASA** Bertindak Pemilik Rumah Teres Kampung Sungai Baru, Kampung Baru di sini yang mendakwa Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) mendiamkan sejumlah 34 pemilik lot rumah teres yang tidak bersetuju dengan pembangunan semula adalah tidak benar dan mengelirukan orang ramai.

PKB dalam satu kenyataan menjelaskan bahawa status 34 lot rumah teres di kawasan itu adalah tidak terlibat dengan projek pembangunan semula.

“32 lot teres milik individu dan dua lot teres yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk jajaran Projek Sistem Kedua Transit Aliran Ringan (LRT) untuk Kuala Lumpur (Jajaran Pasar Seni ke Jalan Damai) adalah tidak terlibat dengan projek pembangunan semula di kawasan Sungai Baru, Kampung Baru.

“Maka dakwaan Jawatankuasa Bertindak Pemilik Rumah Teres dan Flat Sungai Baru dengan menyatakan bahawa PKB sengaja mendiamkan sejum-

lah 34 pemilik lot teres lain di Sungai Baru, adalah tidak benar dan mengelirukan orang ramai,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Jelas kenyataan itu, jumlah unit yang telah selesai proses perolehan tanah dan bersedia untuk pembangunan telah bertambah kepada 291 unit berbanding 219 unit yang terdiri dari 27 lot teres dan 192 flat selepas penyampaian notis Borang K (Permohonan Supaya Bantahan Dirujukkan Kepada Mahkamah) APT 1960 oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL),

“Ia membabitkan 264 unit flat dan 27 lot teres, iaitu bersamaan 88.72 peratus. Pertambahan peratus tersebut melibatkan sebanyak 72 unit flat setelah borang K dikeluarkan.

“Manakala bagi baki 37 lot teres (11.28 peratus), sesi siasatan pengambilan tanah masih lagi ditangguhkan dan belum serahkan. Perolehan tanah bagi lot teres ini masih belum selesai,” kata kenyataan itu. **WK**

Pengusaha langgar syarat lesen, penduduk adu kacau ganggu

# Kebun-Kebun Bangsar diambil tindakan

**P**ENGUSAHA Kebun-Bangsar di Lorong Bukit Pantai didapati telah melanggar syarat Lesen Pendudukan Sementara (LMS) bagi maksud nurseri merupakan punca ia diambil tindakan penguatkuasaan.

Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP), **Datuk Muhammad Yasir Yahya** berkata syarat yang diluluskan adalah berkaitan jenis tanaman serta tiada pembinaan struktur kekal yang dibenarkan.

"Bagi maksud nurseri yang diluluskan, ia termasuklah jenis tanaman serta tiada struktur kekal dibenarkan di bawah talian rentis seperti mana ulasan teknikal daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Jelas Muhammad Yasir, pihaknya menerima aduan kacau ganggu

daripada penduduk setempat secara bertulis dan lisan yang berpunca dari kebun berkenaan.

"Siasatan mendapati, kebun tersebut memelihara pelbagai bintang ternakan seperti ayam, itik dan biri-biri sekali gus telah menimbulkan isu-isu lain seperti pencemaran bau, lalat serta gangguan bunyi yang menjadi punca utama tindakan penguatkuasaan," katanya.

Tambahnya, PPTGWP sentiasa menyokong usaha-usaha ke arah kebun bandar selaras dengan hasrat kerajaan dan kementerian namun pematuhan kepada syarat-syarat LMS perlu dipatuhi bagi kebaikan semua pihak.

Terdahulu, tular di media sosial PPTGWP telah mengeluarkan notis pemberitahuan untuk mengosongkan tapak kepada pengusaha tersebut bertarikh 23 Jun lalu. **WK**



PEJABAT Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) menerima aduan kacau ganggu daripada penduduk setempat yang mendorong tindakan penguatkuasaan terpaksa diambil.



# DBKL diarah tingkatkan penguatkuasaan pusat hiburan di ibu kota

AZLAN ZAMBRY

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) mengarahkan agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perniagaan terutama premis hiburan dan aktiviti sosial di ibu kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata KWP dan DBKL telah merangka pelaksanaan tindakan mengikut garis panduan dan peruntukan undang-undang yang diguna pakai dengan kerjasama agensi sahabat penguatkuasaan lain.

Menurutnya, DBKL dengan kerjasama agensi sahabat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) telah melaksanakan operasi bersepadu pada Ahad lalu bagi membanteras kegiatan haram.

Ujarnya, operasi itu menumpukan premis yang menjalankan aktiviti rumah urut, pelacuran yang melanggar syarat lesen serta lain-lain kesalahan di bawah agensi sahabat (salah guna visa pelawat/kesalahan syariah).

"Dalam operasi bersepadu ini, sebanyak empat premis telah dikenakan tindakan kompaun dan tutup serta-merta di bawah Undang-undang Kecil (UUK) 3(1), Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian WPKL 2016 kerana menjalankan aktiviti urut tanpa lesen serta aktiviti tidak pelacuran."

"Selain itu, turut disita 38 unit pelbagai peralatan berupa kondom, cecair pelincir serta peralatan kamera litar tertutup



JALALUDDIN (kiri) berbincang dengan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Timbalan Pengarah Jabatan Penguatkuasa DBKL, Mohd Zulhainan Mohd Isa (dua dari kanan) semasa operasi.



OPERASI bersepadu yang dijalankan ini bertujuan membanteras kegiatan haram yang melanggar syarat lesen yang ditetapkan termasuklah aktiviti pelacuran.

(CCTV). Kesemua premis ini ditutup di bawah Seksyen 101(1)(v)

Jalaluddin berkata sebanyak 73 premis yang dikesan menjalankan aktiviti tidak bermoral dan yang melanggar syarat lesen telah diperiksa oleh DBKL menerusi tindakan khas yang dijalankan pada tahun ini melibatkan 50 premis

telah disita dan 52 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

Tegasnya, pihak kementerian memandang serius ke atas pelanggaran syarat lesen yang dilakukan oleh pemilik premis dan aktiviti perniagaan. **WK**

Royal FLORIA PUTRAJAYA 2022

TAWARAN DIBUKA

TAPAK GARDEN BAZAAR & HORT MART SEMPENA FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2022

SYARAT PERMOHONAN ADALAH:

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
- Memenuhi syarat butiran jualan yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya

SILA IMBAS BORANG PERMOHONAN DI SINI

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 24 JUN 2022

BAHAGIAN HORTIKULTUR & PERTANIAN BANDAR, JABATAN LANDSKAP & TAMAN, PERBADANAN PUTRAJAYA, 03-8887 8114/7608

Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya dalam kenyataan.

# Program Sumbangan Khas Persekolahan YWP di tiga kawasan Parlimen Titiwangsa 1,000 pelajar terima wang tunai, beg sekolah

HAZIRAH HALIM

**P**ROGRAM Sumbangan khas persekolahan anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) diteruskan ke tiga kawasan di bawah Parlimen Titiwangsa, baru-baru ini.

Kali ini program itu menyaksikan seramai 1,000 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan (B40) di tiga kawasan di bawah Parlimen Titiwangsa menerima sumbangan berupa satu unit beg sekolah dan wang tunai bernilai RM50 seorang.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, jumlah itu merangkumi data keseluruhan pelajar yang telah diperoleh melalui kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) peringkat Parlimen Titiwangsa.

"Jumlah tersebut adalah data keseluruhan yang diterima daripada tiga Sub Zon iaitu seramai 333 penerima di Zon Datuk Keramat dan Zon Kampung Bharu manakala 334 penerima lagi di Zon Kampung Pandan," katanya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, Zaizalnizam



**DATUK Zaizalnizam Zainun** (dua kiri) turut hadir menyampaikan sumbangan bantuan khas persekolahan peringkat Parlimen Titiwangsa baru-baru ini.

berkata sumbangan ini diberikan di atas keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim selaku Pengurus YWP yang berasa terpanggil untuk membantu pelajar-pelajar selain mahu meringankan beban perbelanjaan ibu bapa terutama yang kurang berkemampuan untuk mem-

beli keperluan dan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka.

"Memandangkan sesi persekolahan sudah kembali dibuka, banyak bayaran yang perlu diselesaikan misalnya bayaran tambahan persekolahan, yuran, pembelian alat tulis, buku dan sebagainya.

"Sumbangan ini juga adalah

antara peruntukan YWP sebanyak RM650,000 bagi penyaluran bantuan khas persekolahan kepada pelajar-pelajar di 13 parlimen di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan," ujarnya.

Beliau menambah, pihak YWP akan terus bekerjasama dengan barisan kepimpinan masyarakat di Wilayah Persekutuan bagi membantu warga kota memerlukan tanpa ada yang terkecuali untuk menerima bantuan.

Terdahulu, sumbangan bantuan Program Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Parlimen Titiwangsa ini berlangsung jayanya selama dua hari di tiga lokasi iaitu Keramat Mall, Datuk Keramat pada 25 Jun (Sabtu) manakala Dewan KAFA, Masjid Ar-Rahim, Kampung Pandan dan Dewan Komuniti, Kampung Paya, Kampung Bharu pula pada 26 Jun (Ahad).

Majlis Penyerahan sumbangan di tiga lokasi itu telah disempurnakan dan dihadiri oleh Pemimpin Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Titiwangsa serta NGO terlibat. **W.K**



**PROGRAM Bantuan Khas Persekolahan YWP Peringkat Parlimen Titiwangsa** berlangsung di tiga lokasi selama dua hari iaitu 25 dan 26 Jun lalu..



SALAH seorang pelajar Bantuan Khas Persekolahan mendapat satu unit beg sekolah dan wang tunai bernilai RM50 seorang.

## CERITA KEDAI KOPI

### Masalah parkir di Putrajaya

**KHABARNAK** Putrajaya kini menghadapi masalah parkir serius apabila kenderaan diletakkan sesuatu hati, khususnya di kawasan kuarters kerajaan. Menurut laporan, terlalu banyak kenderaan diletakkan di kawasan parkir dan bahu jalan menyebabkan kawasan sesak.

Akibatnya, kelancaran trafik terganggu, terutama pada waktu puncak, seterusnya menyebabkan kesesakan lalu lintas di pusat pentadbiran persekutuan itu. Nampaknya Putrajaya sudah menjadi seperti Kuala Lumpur yang saban masa berhadapan masalah kesesakan lalu lintas.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya, masalah parkir ini timbul kerana jumlah kenderaan yang banyak di Putrajaya. Ada penghuni yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan sehingga melebihi lot yang diperuntukkan kepada setiap penghuni.

Kerana itu terpaksalah mereka meletakkan kenderaan di tempat yang tidak sewajarnya walaupun tahu perbuatan itu menyebabkan kesesakan serta menyusahkan orang ramai. Difahamkan, masalah ini berlaku di kawasan perumahan semua lokasi di Putrajaya.

Namun begitu, masalah ini tidak harus dibiarkan berterusan. Perbadanan Putrajaya (PPj) mesti mencari penyelesaian menyeluruh agar masalah kesesakan dan perbuatan meletak kenderaan sesuatu hati dapat diatasi.

Jika dibiar kenderaan diparkir sesuatu hati dan tidak teratur akan mencacatkan pemandangan pusat pentadbiran persekutuan. Putrajaya adalah simbol kehebatan pusat pentadbiran negara dan kerana itu ia mesti sentiasa dijaga. Jangan sampai ada pemandangan yang menyakitkan mata.

Jika perlu, kenakan kompaun atau tunda kenderaan yang diparkir sesuatu hati sebagai peringatan kepada pemilik. Diharap dengan cara itu mereka akan lebih berdisiplin dan mencari jalan tidak meletakkan kenderaan sesuatu hati.

Namun pada masa sama, kawan-kawan Kedai Kopi juga memahami masalah

kekurangan parkir untuk orang ramai. Isu ini harus diselesaikan oleh PPj. Wujudkan kawasan parkir baharu, atau bina tempat parkir bertingkat yang boleh memuatkan lebih banyak kereta.

Penduduk Putrajaya juga mesti memahami hakikat bahawa kawasan parkir adalah terhad. Oleh itu elok juga mengehadkan pemilikan kereta agar tidak diparkir sampai melimpah ke kawasan tidak dibenarkan. Bersama-sama menjaga kebersihan dan kelestarian Putrajaya.

### Pasar Kelantan di KL

**ANDA** peminat makanan negeri Kelantan? Sama ada anda memang berasal dari Kelantan atau meminati masakan negeri itu, tidak perlu untuk menjelajah begitu jauh dari ibu kota ke negeri Cik Siti Wan Kempang itu untuk mencari makanan yang digemari.

Sebaliknya, anda hanya perlu mengunjungi Pasar Pagi Kelantan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Berkunjung ke pasar tersebut anda seolah-olah berada di negeri Serambi Mekah itu kerana suasannya mirip pasar di Kelantan.

Kesibukan pasar, riuh rendah dialek

orang Melayu Kelantan berniaga pelbagai jenis makanan memenuhi ruang, menyerikan kemeriahkan persekitaran. Selain makanan, barang bukan makanan, seperti pakaian juga ada dijual.

Sebut sahaja makanan yang anda gemari, semua ada tersedia di pasar yang terletak berhampiran stesen komuter Pantai Dalam. Ada makanan yang dibawa terus dari Kelantan, ada yang dibuat di sini. Kualiti dan rasanya tetap sama.

Kawan-kawan Kedai Kopi mendapati pelbagai makanan istimewa Kelantan ada dijual. Antaranya kuih-muih seperti tapai, ketupat, lompat tikam. Juga sayur dan ulam segar, solok lada, serta makanan pagi seperti nasi berlauk dan nasi dagang.

Makanan ringan menyelerakan seperti etak salai, atau sate ikan yang dikenali dengan nama 'lokcing' juga ada. Selain itu, pakaian terpakai juga turut dijual di pasar yang bermula pulak 7 pagi itu.

Kepada yang belum berkunjung ke pasar pagi ini, kawan-kawan Kedai Kopi syorkan pergilah berkunjung untuk menyaksikan sendiri keseronokan di pasar tersebut. Rasakan kelainan daripada pasar pagi lain yang banyak terdapat di ibu kota.

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaz@yayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@yayasanwp.org.my

# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA  
**Wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
26cm X 33cm  
**RM7,500**



HALF PAGE  
26cm X 17cm  
**RM5,500**



QUARTER PAGE  
12cm X 17cm  
**RM4,500**



PANEL PAGE  
[INNER]  
26cm X 6cm  
**RM4,500**

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER  
1080px X 96px  
**RM2,500**

MIDDLE BANNER  
1080px X 280px  
**RM2,000**

MEDIUM RECTANGULAR  
350px X 280px  
**RM1,500**

HALF PAGE  
350px X 500px  
**RM1,000**

**50,000** naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Catatan tentang filem Mat Kilau



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**K**ETIKA ini filem bercorak purba, Mat Kilau menjadi satu fenomena. Di mana-mana orang bercakap mengenai filem yang tayangan hari pertama sahaja mencatatkan kutipan tiket lebih RM1 juta. Khabarnya banyak panggung penuh dengan tempahan awal.

Pada satu sudut keadaan ini menunjukkan satu perkembangan yang menarik. Filem tempatan kembali mendapat sambutan dan mereka yang melabur dalam bidang ini mendapat pulangan yang memungkinkan filem seterusnya yang lebih baik. Di mana negara sekalipun bidang penerbitan filem memerlukan khalayaknya.

Banyak catatan yang memuji filem ini di media sosial dan saya membaca sebahagian besar daripada reaksi berkenaan. Saya meraikan semua sudut pandangan mengikut aras apresiasi masing-masing. Setidak-tidaknya kita tahu apakah yang dilihat dan dipetik oleh sebahagian besar dalam kalangan penonton daipada filem ini.

Saya antara peminat filem bercorak purba, tidak kiralah ketika zaman Jalan Ampas, Studio Merdeka hingga penerbitan filem diusahakan oleh penerbit independen di Kuala Lumpur pada awal 1980-an. Filem bercorak purba Melayu tidak ada di tempat lain dan kita sahaja yang mempelopori bentuk seperti ini.

Antara filem bercorak purba yang mempesonakan saya sejak dulu hingga kini tentulah Hang Jebat arahan Hussein Haniff, Gurindam Jiwa (M Amin), Hanyut (Uwei Haji Saari) dan drama televisyen Budi Semantan (Rohani Yousoff). Budi Semantan sepatutnya sebuah filem bukan drama televisyen.

Maka saya membayangkan filem Mat Kilau bukan sahaja mengangkat satu zaman penuh getir yang jauh di belakang malah mengemukakan wacana tentang kebangkitan. Walaupun latar sosial filem ini menentang penjajah British, tetapi suatu yang lebih besar adalah kebangkitan. Ini termasuklah kebangkitan melawan rasa terpesona dengan zon selesa sebagai Melayu.

Pada bahagian awal filem Mat Kilau sudah ada isyarat akan wacana kebangkitan ini. Wacana ini jauh lebih besar berbanding ledakan semangat penentangan orang Melayu terhadap British. Kisah Mat



FILEM ini diilhamkan dari perjuangan pahlawan Mat Kilau yang berjuang menentang British di Pahang sebelum merdeka. - Foto Instagram Syamsul Yusof

Kilau ini sebenarnya tidak ada yang baharu, semuanya sudah diketahui.

Maka seharusnya ada wacana daripada kisah purba Melayu abad ke-19 ini. Inilah yang baharu dan diangkat melalui proses representasi orang Melayu pada suatu zaman lampau. Hasilnya menyeru pada sebuah kebangkitan yang tidak luput ditelan zaman.

Apa mesej filem ini? Tentu sahaja saya akan berkata filem tidak ada mesej. Kalau hendak direkareka adalah. Sebaliknya yang lebih penting lagi besar adalah wacana kebangkitan yang sifatnya yang meluas. Lebih menarik lagi dalam keadaan orang Melayu banyak yang lena.

Bagaimanapun kebangkitan itu tenggelam dalam ledak marah yang emosional, agak melulu dan berlebihan terhadap penjajah. Marah pula bukan ditunjukkan tetapi dihamburkan dengan kata-kata. Terabaih salah satu sifat filem yang berkata-kata dengan visual.

Wacana kebangkitan ini tidak ditelusuri secara mendalam apabila kemarahan kepada penjajah ini diulang-ulang hingga jemu di depan orang Melayu sendiri. Wacana kebangkitan juga ikut terbiar di sebalik pertarungan fizikal yang agak berlebihan berbanding helah akal untuk mengalahkan penjajah.

Saya juga mencari maksud terlindung atau semiotik di sebalik adegan pertarungan, tetapi tidak jumpa. Hanya bertarung semata-mata.

Kalau kita mengingat kembali pertarungan dalam filem Hang Jebat, itu bukan semata-mata bertarung. Adegan itu penuh pengucapan yang disampaikan dengan visual pertarungan.

Sudut kamera yang dikendalikan oleh A Bakar Ali untuk adegan pertarungan filem Hang Jebat mencipta pengucapan visual yang hebat. Wacana mencari keadilan dalam filem Hang Jebat terpancar pada adegan pertarungan oleh watak Hang Tuah dan Hang Jebat.

Sudut lain yang agak terabai daripada filem Mat Kilau adalah pembinaan watak. Watak mesti ada perwatakan untuk berkembang sebagai plot. Kelihatannya banyak watak tetapi tidak ada perwatakan terutama yang penting seperti Mat Kilau. Maka bergeraklah watak ini tanpa didokong oleh perwatakan yang diberikan kepadanya.

Ini bukan masalah pelakon, tetapi penulis lakon layar yang tidak membina perwatakan kepada wataknya. Tanpa perwatakan, watak seperti tidak bernyawa, sekadar ke hulu dan ke hilir tanpa memberikan makna. Pelakon yang hebat sekalipun akan tenggelam kalau

**“ Banyak catatan yang memuji filem ini di media sosial dan saya membaca sebahagian besar daripada reaksi berkenaan. Saya meraikan semua sudut pandangan mengikut aras apresiasi masing-masing. Setidak-tidaknya kita tahu apakah yang dilihat dan dipetik oleh sebahagian besar dalam kalangan penonton daipada filem ini.**

tidak ada perwatakan.

Cuma bezanya pelakon hebat tidak pula menerima tawaran berlakon watak yang tidak berpewatakan. Ketika membaca lakon layar sudah boleh menjangka kedudukan watak di dalam filem.

Sekiranya pembinaan watak mantap dan kemas, Mat Kilau tidak perlu lagi mengulang-ulang dialog yang mengecam penjajah. Ini kerana pembinaan yang baik tidak memerlukan watak bertenggek di atas dialog. Kalau dipadamkan dialog pun tetap boleh berlakon dengan baik.

Disebabkan pembinaan watak kurang mantap, watak Mat Kilau ini boleh sahaja digantikan dengan nama lain dan sama sekali tidak menjelaskan filem ini. Malah kalau latar kampung digantikan dengan bandar juga tidak berkurangan apa-apa. Ini menunjukkan perwatakan Mat Kilau tidak dibina untuk filem ini.

Seharusnya watak Mat Kilau yang mengembangkan filem ini berpandukan wacana yang hendak dilontarkan oleh pengaruh. Watak ini harus kelihatan lebih tertampil berbanding yang lain kerana di situ yang menentukan perkembangan filem ini.

Saya melihat struktur filem ini kuat dipengaruhi oleh filem-filem aksi dari Hong Kong dan Hollywood. Pengalaman menonton Mat Kilau mendapati filem ini tidak jauh bezanya dengan karya aksi Hong Kong. Maka filem Mat Kilau seolah-olah menyalin sosial fantasi di luar latar dunia Melayu abad ke-19. Condongnya amat ketara.

Ini ditambah dengan terabainya pempararan estetika kemelayuan pada latar abad ke-19. Filem Melayu bercorak purba tidak harus terputus dengan estetika kemelayuan sebagai latarnya.

Silat itu sendiri sebuah seni yang semua geraknya ada maksud

dan falsafah.

Bagaimanapun silat dalam filem ini terganggu dengan kaedah merakam dan menyunting yang menghilangkan keindahan seni pertarungan itu.

Saya fikir boleh dimulakan usaha untuk meningkatkan kecelikan apresiasi dalam kalangan khalayak. Bukan sahaja untuk karya filem malah seni yang lain juga – muzik, teater dan kesusastraan.

Dalam konteks ini, kita mempunyai khalayak penonton khususnya filem Melayu. Masa yang sama kualiti penonton juga harus dipertingkatkan oleh pihak-pihak yang mengawal selia bidang ini. Hanya penonton yang berkualiti memungkinkan kewujudan filem yang baik.

Khalayak harus dibimbing supaya ada kemampuan meneroka sudut pemikiran yang terlindung dalam sesebuah karya. Apabila kecelikan semakin tinggi, karyawan tidak boleh ‘lena’ dalam zon selesa. Khalayak sentiasa kritis terhadap karya mereka.

Seperti yang dikatakan awal tadi, ini bukan sebuah kritikan. Sekadar catatan pengalaman menikmati filem purba Melayu selepas dua dekad berlalunya abad ke-21. Catatan ini berdasarkan apresiasi peribadi untuk dikongsikan dengan khalayak filem Melayu.



## SAJAK SEPUTIH KASIHMU

Sejernih kasih mengalir terkunci dalam temu bahagia menanti memaut hati bicara sehngat mentari

Bak haruman wangi kasturi kau labuhkan kasih bagaikan mekar bunga di jambangan mewangi terpahat di sanubari

Pesona wajah terhias indah kelopak kasih mekar berkembang titik sepi dalam gundah hati berkeping

Nostalgia bertaut bak kiambang mlarut kenang tebing harap tercetus di hati bagi ombak memecah pantai

Terpercik rasa mengulit mimpi jauh atur-Nya mendamba doa aku dan kau tersimpul hati mengusir tangis hiba ngilu.

**Adyra Az-Zahra**  
Klang, Selangor

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Lupus kereta lama tidak atasi sesak

**B**ERAPA tahun usia kereta anda? Baharu dibeli, atau sudah berusia beberapa tahun atau lebih 10 tahun? Berapa tahun pula tempoh pinjaman membeli kereta yang diambil daripada bank?

Biasanya tempoh pinjaman antara tujuh hingga sembilan tahun. Tidak ramai membuat pinjaman kurang daripada tempoh tersebut. Majoritinya memilih jangka masa lebih panjang agar bayaran bulanan tidak terlalu tinggi walaupun dengan cara itu perlu menanggung beban faedah lebih tinggi.

Bagaimana pula ‘kasih sayang’ menjaga dan membelai kereta anda selama ini? Anda menjaganya dengan baik, diservis pada waktunya dan apa juga kerosakan dibaiki segera agar kereta dapat bertahan lama? Atau adakah anda jenis yang tahu guna tetapi tidak peduli menjaga kereta?

Adi bangkitkan isu usia kereta dan ketelitian penjagaan kerana baru-baru ini timbul cadangan daripada sepasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) agar kenderaan berusia 10 tahun dan lebih dilupuskan daripada jalan raya.

Tujuannya untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di ibu negara yang selama ini diketahui memang sentiasa menghadapi masalah kesesakan lalu lintas tidak berkesudahan.

Keadaan ini lebih terserlah pada waktu puncak di sebelah pagi ketika orang ramai bertumpu ke tempat kerja atau melakukan urusan peribadi. Waktu ini juga pelajar bertumpu ke sekolah masing-masing, sama ada menaiki bas sekolah atau dihantar oleh ibu bapa.

Pada waktu tengah hari pula waktu balik dari sekolah sesi pagi. Kesesakan bersambung hingga ke petang apabila pekerja kembali ke rumah masing-masing. Pelajar bersekolah sesi petang juga turut menambah kesesakan.

Adi percaya, ramai sedar pihak berkuasa, khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sentiasa berusaha menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Antaranya dengan melebar dan memperbaiki jalan, membina jalan bertingkat bagi penyuraian trafik dan sebagainya.

Namun usaha ini belum menampakkan kesan yang diharap. Kesesakan terus berlaku. Punca utama kerana pendaftaran kenderaan baharu lebih pantas berbanding usaha menambah laluan dan menambah baik jalan.

Sekjak tahun 2019, dianggar sejuta kenderaan baharu didaftar di negara ini setiap tahun. Angka pendaftaran di Kuala



**KESESAKAN** di ibu kota memerlukan penyelesaian lebih praktikal daripada hanya menghumban kereta lama.

Lumpur juga tinggi. Kenderaan bertambah, laluan terhad. Maka tidak hairan kesesakan di ibu kota berterusan.

Mungkin keadaan ini yang mendorong penyelidik UKM mencadangkan kenderaan yang melepas 10 tahun dilupus. Tiada lagi kenderaan yang dianggap tua berlegar di jalan ibu negara. Namun adakah ini penyelesaian terbaik?

Pelbagai pihak memberi reaksi tidak setuju dengan cadangan ini. Menteri Pengangkutan, Dr Wee Ka Siong menyifatkan cadangan tersebut belum sesuai dilaksanakan di negara ini.

Bagi Adi sendiri, cadangan ini kurang praktikal serta tidak boleh menjamin masalah dapat diatasi. Masalah kesesakan perlu dikaji dari semua sudut. Penyelesaian perlu mengambil kira masalah secara menyeluruh, bukan sekadar menghapuskan kereta lama di jalan raya.

Mungkin para penyelidik UKM berpendapat kenderaan berusia 10 tahun dan lebih sudah usang. Kehadirannya di jalan raya membantutkan pergerakan, ibarat orang tua yang berjalan perlahan. Kerana

itu kesesakan berlaku.

Jika ini pandangannya, pada Adi tidak tepat. Walaupun kenderaan sudah berusia tetapi jika dijaga dengan baik dan diservis pada waktunya, ia akan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

Sebaliknya, kereta baharu pun, jika tidak dijaga dengan baik akan rosak atau prestasinya kurang menggalakkan. Banyak kereta bukan sahaja berusia 10 tahun, tetapi sehingga 20 tahun, masih gagah berada di atas jalan kerana dijaga dengan baik.

Melupuskan kenderaan lama hanya membebankan rakyat, kecuali jika sudah benar-benar menjadi besi buruk. Tidak ramai berkemampuan membeli kenderaan baharu jika kereta yang masih elok dilupuskan. Juga tiada jaminan perjalanan di ibu kota menjadi lebih lancar.

Membeli kereta baharu bererti terus-menerus berhutang dengan bank. Tiada sebab berbuat demikian jika kereta dimiliki masih elok. Berhutang dengan bank selama sembilan tahun, tiba-tiba selepas setahun kereta menjadi milik sendiri, hendak dilupus pulak. Bagi Adi ini tidak munasabah.

## SKETSA



**“Adi percaya, ramai sedar pihak berkuasa, khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sentiasa berusaha mengangani masalah kesesakan lalu lintas. Antaranya dengan melebar dan memperbaiki jalan, membina jalan bertingkat bagi penyuraian trafik dan sebagainya.**

Atau katakan jika kereta dilupus, tiada siapa dapat menyekat pendaftaran kereta baharu. Yang tua dibuang tetapi yang baharu pula datang. Maknanya andaian mengurangkan kenderaan di jalan raya tidak akan tercapai. Masalah kembali seperti biasa.

Kerana itu bagi Adi, kesesakan di ibu kota memerlukan penyelesaian lebih praktikal daripada hanya menghumban kereta lama. Yang Adi nampak ialah menambah baik dan memperkasa pengangkutan awam sebagai tarikan orang ramai menggunakan, tidak lagi perlu membawa kenderaan sendiri.

Di samping itu kemasukan kenderaan, terutama kenderaan berat, ke bandar raya mesti dikawal terutama pada waktu puncak. Kurang kenderaan, kesesakan mampu diminumkan jika pun tidak diatasi sepenuhnya.

Pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT) dan monorel kini menjadi pilihan ramai. Namun bas atau teksi kurang menarik perhatian disebabkan sering tersangkut dalam kesesakan lalu lintas.

Justeru operasi Fasa 1 MRT Putrajaya pada 16 Jun lalu dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu sangat dialukan. Mulai Januari 2023, Fasa 2 akan beroperasi dari Kampung Batu ke Putrajaya pada jarak 58 kilometer merentasi 36 stesen. Bolehlah ke pusat pentadbiran persekutuan tanpa berkereta sendiri.

Difahamkan, dalam perancangan ialah meluaskan khidmat LRT di ibu negara sehingga meliputi kawasan Wangsa Maju dan sekitarnya seperti Danau Kota, Setapak. Dalam tempoh beberapa tahun ia akan menjadi kenyataan.

Adi juga mengalui langkah mengatasi kesesakan yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias baru-baru ini. Menurutnya, satu jawatankuasa telah ditubuh untuk mengkaji aliran trafik di ibu negara, dengan kerjasama pasukan polis.

Antara langkah diambil ialah mempertingkat rangkaian pengangkutan awam serta menggalakkan orang ramai menggunakan. Termasuk di

dalamnya ialah menguatkuasakan laluan bas. Bagi Adi ini satu langkah bijak mengelakkan bas tersangkut bersama kenderaan lain di jalan raya, menyebabkan fungsinya sebagai pengangkutan awam tidak berkesan.

Laluan khusus bas pernah disediakan untuk Syarikat Intrakota suatu ketika dahulu, membolehkan bas beroperasi dengan lebih lancar dan menepati waktu. Mengadakan semula laluan ini akan menjadikan perkhidmatan bas lebih diminati.

Kerjasama DBKL dengan polis akan menyaksikan pasukan pengawal kuasa digerakkan ke 85 lokasi bagi melancarkan pergerakan lalu lintas pada waktu pagi dan petang. Sebanyak 72 lokasi akan dikendalikan oleh polis sementara 13 lagi oleh anggota DBKL.

Papan tanda juga dipasang di kawasan strategik mengingatkan kenderaan berat untuk tidak memasuki kawasan bandar raya pada waktu puncak iaitu 6.30 hingga 9.30 pagi dan 4.40 hingga 7.30 petang setiap hari.

Adi berharap langkah yang diambil ini akan membantu mengurangkan kesesakan di ibu negara. Tidaklah perlu melupus kenderaan berusia lebih 10 tahun!

**Adi—Sudah lali kesesakan di KL**

*Ali Faiz*

## SAJAK

**BICARA SEBUAH RUMAH**

Di dapur tidak ada apa-apa selain tungku yang kekeringan gasnya

Jua bekas beras yang tak bersisa walau sebutir

Cengkerang telur pun sudah lama ditabur menjadi baja

Balang gula dan teh entah bila kembali berisi

Seorang ayah memagut erat tiang rumah yang bergoncang hampir tumbang

Seorang ibu terus berlagu hingga anak-anak ketiduran dan melupakan kantung kelaparan.

## PESAN PADA HUJAN

Kataku pada hujan dinginmu telah membukukan mudaku di jalanan

Jadilah kopi hangat yang mencairkan tuaku di gerbang taubat.

**Cikgu Sarah**  
Bukit Katil, Melaka

Beri sokongan dan tangani permasalahan yang timbul

# YWP mahu sekolah perkasa peranan PRS

DIANA AMIR

**P**ERANAN Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang diwujudkan di sekolah perlu dimantapkan lagi bagi membantu pihak sekolah menangani pelajar yang mengalami masalah serta memerlukan pertolongan,” ujar Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** sejurus merasmikan Majlis Watikah Pelantikan PRS, Rakan PPDA dan Pelancaran Laman Sesawang Unit Bimbangan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Presint 9 (1), Putrajaya baru-baru ini.

Ujar beliau kepada *Wilayahku*, PRS memainkan peranan penting sebagai khidmat sokongan dalam membantu mengerakkan perkembangan bimbangan dan kaunseling yang ada di setiap sekolah.

“Saya harapkan mereka dapat bersama-sama pihak sekolah untuk mengenal pasti masalah yang dialami pelajar lain seterusnya me-



ZAIZALNIZAM (tengah) menyampaikan watikah pelantikan kepada salah seorang ahli PRS SMK Presint 9 (1), Putrajaya baru-baru ini.

maklumkannya kepada guru agar tindakan seterusnya dapat diambil.

“Selain itu mereka perlu sentiasa peka terhadap rakan sekeliling seperti prinsip PRS itu sendiri yang bersedia dan rela membantu

rakan tanpa mengira agama, bangsa, jantina, kedudukan, perlakuan dan fizikal.

“Gunakan sebaik-baiknya kemahiran, asas kaunseling serta komunikasi yang telah diajar untuk

*GrandSeasons* bagi sesi lawatan sambil belajar selama satu hari baru-baru ini.

“Lawatan tersebut bertujuan mendedahkan mereka mengenai bagaimana kaedah pelaksanaan program kebajikan dan juga kesihatan mental yang merupakan antara tujuan utama penubuhan rumah prihatin.

“Pihak YWP juga turut menaja dari segi makan dan minum serta kos perjalanan rombongan tersebut ke Kuala Lumpur,” ujar beliau yang akan meneruskan sesi kolaborasi yang mana sumbangan akan disampaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata YWP turut menyampaikan bantuan bencana kebakaran kepada mangsa di bawah Parlimen Lembah Pantai dan Parlimen Seputeh yang melibatkan tiga unit rumah.

Bantuan yang disampaikan berbentuk bakul makanan dan wang tunai sebanyak RM500 untuk setiap keluarga yang terlibat. **WK**

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

# Tourism Malaysia sertai ekspos PTAA promosi pelancongan di Filipina



PELANCONG dari Filipina antara yang teramai bercuti ke Malaysia.

SABRINA SABRE

**SELEPAS** hampir dua tahun berhadapan sekitan perjalanan di seluruh dunia, Malaysia meruskan misi mempromosi sektor pelancongan sebagai pilihan destinasi utama dengan menyertai *Travel Tour Expo (TTE) Philippine Travel Agencies Association (PTAA)* ke-29 di Pusat Konvensyen SMX Manila, Filipina.

Tourism Malaysia dalam satu kenyataan menjelaskan ekspos tersebut yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 24 hingga 26 Jun, bertujuan untuk meraih semula keyakinan agensi-agenzi pelancongan antarabangsa bagi mempromosi dan menjual produk pelancongan negara.

“Penyertaan kami (wakil Hotel Ormond, Kuala Lumpur dan Agro Best Services Sdn Bhd) akan memberi peluang kepada penggiat industri dari Filipina untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pelancongan di Malaysia dan seterusnya menjadikan ia sebagai pilihan destinasi utama.

“Pihak kami memerlukan langkah seperti ini (misi) kerana industri pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara,” katanya.

Ujarnya, Filipina kekal antara 10 penyumbang utama Malaysia dengan ketibaan 421,908 pelancong pada 2019.

Mengulas lanjut, misi ini menyasarkan untuk menarik lebih ramai pelancong antarabangsa, pendatang baharu dan pelancong

tetap untuk meningkatkan lagi ekonomi bagi satu lonjakan kukuh dalam industri pelancongan.

“Malaysia telah membuka sempadan untuk perjalanan bebas kuarantin untuk mengalu-alukan pelancong antarabangsa yang telah divaksin sepenuhnya datang bercuti ke Malaysia.

“Pelancong yang telah divaksinasi tidak lagi perlu menjalani ujian saringan COVID-19 pra-berlepas dan semasa ketibaan, termasuk kanak-kanak berumur 17 tahun ke bawah,” katanya.

Terdahulu, PTAA adalah acara tahunan pelancongan terbesar di Filipina dengan penyertaan hamipir 400 pihak berkepentingan pelancongan termasuk *National Tourism Organisations (NTO)* serta 135,000 pengunjung. **WK**

# 40 belia sertai pertandingan memancing

**SERAMAI** 40 pemancing dari golongan belia Seputeh menyertai Pertandingan Juara Joran Peringkat Seputeh 2022 yang berlangsung di Kolam Pancing, Karez Sport Fishing Seri Kembangan, Selangor baru-baru ini.

Pertandingan yang bermula seawal pukul 11 pagi dan berakhir pada pukul 4 petang itu dianjurkan oleh Kelab Anak Muda Seputeh (KAMUSE) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 4, Seputeh (MPPWP).

Bertemakan konsep tangkap dan lepas, pertandin-

gan tersebut menawarkan wang tunai RM500 kepada pemenang utama.

Menurut Penyelaras Pertandingan Juara Joran Peringkat Seputeh 2022, **Zaidi Sahir**, program tersebut bertujuan untuk menjalin silaturahim selain merehatkan tubuh badan dan minda.

“Aktiviti seperti ini dapat memberi kesegaran kepada tubuh badan sekali gus menjaga kesihatan mental lebih-lebih lagi bagi anak muda bandar yang selalu berada dalam keadaan tekanan,” ujarnya.

Tambahnya lagi, usaha

menganjurkan aktiviti rekreasi sihat dalam kalangan anak muda khususnya di bandar besar seperti Kuala Lumpur wajar dipuji dan perlu dicontohi.

Terdahulu, program tersebut dirasmikan Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBSWPKL), Lim Chow Kiat.

Acara yang julung diadakan itu dimenangi oleh Eddy yang berjaya menaikkan ikan seberat tujuh kilogram dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM500. **WK**



PESERTA bergambar sejurus pertandingan memancing baru-baru ini.

## *MyGrocer@Wilayah* inisiatif tangani kos sara hidup

KONFLIK Rusia-Ukraine menjadi antara punca utama kenaikan harga barang pada masa ini. Sekatan perdagangan dari kedua-dua negara pengeluar makanan terbesar dunia tersebut memberi kesan domino kepada negara-negara pengguna, termasuk Malaysia.

Sebilangan besar rakyat yang baru dapat ‘bernafas’ kembali setelah dua tahun terjejas akibat pandemik COVID-19 terpaksa menghadapi pula isu kenaikan harga barang asas yang membebankan lagi kos sara hidup.

Ramai yang mengeluh dengan situasi ini, lebih-lebih lagi bagi golongan B40 yang tinggal di bandar-bandar besar.

Cakna dengan keluhan yang dihadapi oleh warga kota, program *MyGrocer@Wilayah* satu inisiatif oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi-agensi di bawahnya semakin diperkasakan bagi membantu golongan penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta Perumahan Awam (PA) mendapatkan bekalan bahan mentah harian.

**SAMBUNGAN DI MUKA 10**





# Harga lebih rendah, tunai tanggungjawab sosial



DIANA AMIR

DARI MUKA 9

**P**ROGRAM MyGrocer@ Wilayah merupakan antara alternatif berkesan dalam membantu golongan B40 berhadapan kenaikan harga barang mentah yang masih tiada kesudahan sehingga saat ini.

Merupakan inisiatif di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), dan pihak Al Bait sebagai rakan usahasama YWP, program ini dilihat mampu menarik nafas lega dalam kalangan warga penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta Perumahan Awam (PA).

Menurut Ketua Operasi

**MyGrocer@Wilayah, Abu Zaki Abu**, jimat, mudah dan selamat merupakan tujuan utama program yang dapat memberi perkhidmatan jualan barang mentah dengan harga yang jauh lebih rendah berbanding pasaran.

“Pelbagai barang yang boleh didapati antaranya daging, ayam, sayur-sayuran dan barang kering dengan lima sehingga 20 peratus lebih murah. Contohnya ikan tenggiri hanya RM22 sekilo berbanding harga di luar yang mencah RM30 hingga RM40.

“Bukan sahaja harga murah tetapi kita bawa bahan mentah yang lebih segar terus kepada pelanggan di PPR/PA ini,” ujarnya ketika ditemui *Wilayahku* di PPR Intan Baiduri, baru-baru ini.

Ditanya bagaimana program

tersebut mampu menawarkan harga yang sangat membantu golongan B40, Abu Zaki berkata, *MyGrocer@ Wilayah* mendapat bekalan terus daripada pembekal utama tanpa melalui orang tengah.

“Perniagaan ini juga berkonsepkan usahawan sosial atau *social enterprise (SE)* yang mana ia bukan menfokuskan keuntungan semata tetapi juga perlu memberi impak kepada sosial dan alam sekitar.

“Harga yang ditetapkan masih mampu milik dan mesra pengguna terutama bagi golongan B40,” ujarnya yang mengakui tidak boleh mengawal harga barang kerana ia



ABU ZAKI

mengikut pasaran global.

Tambahnya lagi, inisiatif ini juga turut membantu menjimatkan kos logistik pembeli yang mana jika sebelum ini kebanyakan suri rumah di PPR/

PA terpaksa mengeluarkan tambang menaiki kenderaan awam untuk ke pasar raya berbanding sekarang mereka hanya perlu turun ke bawah rumah sahaja.

“Mereka tidak perlu lagi mengeluarkan tambang dan duit tersebut boleh digunakan untuk menambah keperluan barang yang dijual di trak *MyGrocer@ Wilayah* yang boleh didapati di 60 lokasi PPR/PA.

“Kita telah mengenal pasti sebanyak 178 lokasi dan sehingga kini sebanyak 60 lokasi telah digerakkan trak ini yang mana tumpuannya bukan sahaja di PPR/PA malah di pejabat-pejabat kerajaan juga,” katanya setiap lokasi mensasarkan sebanyak lima peratus

pembeli.

Katanya, sehingga kini *MyGrocer@Wilayah* mempunyai 12 trak dan akan ditambah sebanyak lima buah trak lagi pada Ogos ini.

“Pihak kami menyasarkan sebanyak sekurang-kurangnya 30 trak sebelum hujung tahun ini. Ketika ini tumpuan hanya di Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja di mana sekiranya terdapat permintaan kita akan turut ke Labuan bagi meneruskan inisiatif ini,” ujarnya.

Selain itu, *MyGrocer@ Wilayah* turut mengadakan kerjasama bersama pihak Boost dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang mana golongan asnaf diberi kredit e-tunai sebanyak RM150 dan mereka boleh melakukan pembelian menerusi *e-wallet* Boost.

“Kita juga mengharapkan program ini dapat diuar-uarkan lagi dan diberi publisiti meluas kepada komuniti setempat agar lebih ramai memperoleh manfaatnya selain kerjasama penduduk PPR/PA untuk datang membeli barang di trak *MyGrocer@Wilayah*. **WK**





# Program perintis untuk usahawan



HAZIRAH HALIM

**P**ROGRAM perintis, *MyGrocer@Wilayah* diperkenalkan bagi membantu golongan yang ingin menjana pendapatan. Untuk itu, bermula 1 Jun 2022 seramai 20 peserta dalam kalangan Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) dan Usahawan Asnaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah terpilih untuk mengikuti program 'On Job Training' fasa pertama.

*MyGrocer@Wilayah* dalam satu kenyataan menjelaskan permulaan pemilihan peserta

dikendalikan oleh pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Al Bait sebagai rakan kongsi penyediaan latihan kepada usahawan yang tergolong dalam kategori golongan berpendapatan rendah(B40) dan dipilih menyertai program ini selama enam bulan dari tempoh tersebut.

"Seramai 10 orang peserta telah terpilih dalam saringan ujian yang telah dijalankan oleh pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) sebagai koordinator pada bulan Mei tahun ini. Peserta akan diberi pendedahan dan latihan tanpa menggunakan sebarang modal

untuk memulakan perniagaan dengan cara mereka perlu turun membantu operasi *MyGrocer@ Wilayah* di lokasi-lokasi yang ditetapkan.

"Peserta diberi latihan pendedahan awal mengenai cara pengendalian perniagaan, mengenal pasti jenis perniagaan yang dijalankan serta dapat melakukan urus niaga dengan pelanggan secara langsung selain mereka juga akan diberi baju dan elauan tambahan sebanyak RM1,500 sebulan," katanya.

Dalam masa yang sama, peserta tidak perlu memikirkan soal modal, pengangkutan dan sebagainya kerana pihak *MyGrocer@Wilayah*

akan mengendalikan segala barang termasuk trak bagi memudahkan usahawan menjalankan operasi.

"Selepas tamat tempoh enam bulan tersebut, peserta yang dapat mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan akan terpilih untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan *MyGrocer@ Wilayah*.

"Antara kriteria KPI yang ditetapkan adalah datang tepat pada waktu berniaga. Jika berjaya, mereka layak untuk terus menjadi usahawan sebaliknya jika melanggar KPI dalam tempoh percubaan, mereka akan digugurkan," katanya. WK

## PROGRAM PERINTIS *MyGrocer @Wilayah*

■ Peserta memperoleh perkhidmatan sewaan trak untuk membawa bekalan bahan mentah ke setiap PPR/PA untuk dijual.

■ Kos pembiayaan melibatkan insurans, cukai jalan dan penyelenggaraan trak ditanggung sepenuhnya oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

■ Hanya membenarkan dua orang sahaja yang menjalankan operasi dalam satu trak di setiap 60 lokasi yang tersenarai.

# Bantu penduduk PPR/PA

"PROGRAM ini adalah satu inisiatif terbaik untuk membantu penduduk PPR/PA mendapatkan barang keperluan dengan harga rendah berbanding pasaran, menjimatkan kos logistik serta memberi peluang kepada usahawan menjana pendapatan."

"Ia juga telah mengubah nasib saya sekeluarga dan saya pernah meraih keuntungan sebanyak RM3,300. Perasaan gembira tersebut tidak mampu diungkapkan."

**RIKAH SAPPAL, 34**  
Peserta



RIKAH



ABDUL RAHMAN JOHARI, 63



MANSOR



MOHAMAD YUSOF MAMAT, 64

akan turun membeli di trak kerana bermacam-macam barang yang boleh didapat di sini tanpa perlu bergerak jauh selain ia juga memudahkan pembeli untuk mengetahui harga barang yang diambil kerana ada diletakkan tanda harga."

**MOHAMAD YUSOF MAMAT, 64**  
Pesara Kerajaan

pergi jauh dengan menaiki kenderaan awam untuk ke pasar dan sebagainya. Di trak ini lengkap seperti sebuah kedai runcit dan paling utama saya dapat rasakan harganya murah dan berbaloi berbanding pasaran luar."

**ABDUL RAHMAN JOHARI, 63**  
Pembeli

yang masih belum reda, saya yakin kehadiran program ini memudahkan penduduk PPR/PA khususnya warga emas dan golongan asnaf untuk tidak bergerak jauh hanya untuk mendapatkan barang dapur seperti ayam, gula dan sebagainya."

**MANSOR NGAPPE, 47**  
Pemandu trak *MyGrocer@ Wilayah*




"BILA adanya *MyGrocer@ Wilayah*, saya tidak perlu

"DENGAN keadaan ekonomi dan wabak COVID-19

"SETIAP minggu pasti saya



**MENTERI** Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim merasmikan Program Self Defence Awareness @ Jihad Dadah anjuran Persekutuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Siasatan Narkotik Bukit Aman, Komisioner Polis (CP) Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay serta Pewaris Mutlak Silat Cekak, Dr Md Radzi Hanafi.



JALALUDDIN mengambil kesempatan beramah mesra bersama pengusaha produk halal selepas beliau merasmikan Program Jadikan Halal Pilihan Utama di LuLu Hypermart.

TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (empat kiri) bergambar bersama para pengusaha produk halal selepas beliau menyampaikan sijil penghargaan.



PENGURUSI Majlis perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Titiwangsa, Datuk Azizul Rahman Mohd Hussain Malim bergambar bersama penerima Program Bantuan Khas Persekolahan anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di Keramat Mall, 25 Jun 2022.



KETUA Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (barisan kedua enam dari kiri) bersama kepimpinan Parlimen Titiwangsa Zon Kampung Baru bergambar bersama beberapa penerima bantuan khas Persekolahan YWP di Dewan Komuniti Kampung Paya, Kampung Baru, Ahad lalu.



SERAMAI 333 pelajar di Zon Datuk Keramat terpilih menerima sumbangan Bantuan Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berupa beg sekolah dan wang tunai di Keramat Mall, baru-baru ini.

# Mak Wan Latah amal ilmu hitam?

**K**ECOH dalam kalangan netizen apabila pelakon senior **Mak Wan Latah**, 61, didakwa kononnya mengamalkan ilmu hitam setelah tersebar sebuah video seakan-akan dia melakukan perbuatan syirik itu.

Bukan itu sahaja, Mak Wan juga dituduh seorang yang panas badan dan mencuri wang milik seorang wanita.

Menerusi sebuah portal, wanita yang mengakui menutup sikap buruk Mak Wan



selama ini turut membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Teluk Intan, Perak pada Sabtu lalu berhubung kehilangan wang berjumlah RM20,000.

Walau bagaimanapun, pemilik nama sebenar Halimatussaadiah Mohd Daud ini tidak mahu mengulas panjang berkenaan video dalam akaun *TikTok* itu yang dipercayai disebarluaskan oleh individu yang rapat dengannya.

"Saya tak nak cakap apa-apa. Biarkan dia.

Itu otak dia tak betul.

Dia nak



buat apa-pun itu hak dia. Saya tak mahu komen lagi," katanya yang menganggap kenalan rapatnya itu mempunyai masalah mental.

Mak Wan lebih selesa berdiam daripada mengeluarkan komen lanjut berhubung setiap dakwaan memandangkan pihak luar yang tidak tahu perkara sebenar tetap akan terus membuat kecaman.

Sebelum ini sekitar April, nama Mak Wan turut menjadi bualan apabila perkahwinan yang dibina hanya mampu bertahan selama tiga bulan selain turut berdepan dakwaan bersikap kasar terhadap bekas suami.

Sementara itu, Mak Wan mengakui isu yang ditularkan wanita tersebut, mengakibatkan kerjaya



PERKAHWINAN Mak Wan Latah bersama bekas suami Husain Dollah hanya bertahan tiga bulan.

seninya turut terkena tempias apabila dia digugurkan daripada terabit dalam drama terbitan sebuah syarikat produksi.

Apa-pun *Wilayahku* harap semuanya dapat diselesaikan dengan cara baik.

Mungkin ada berlaku salah faham antara Mak Wan dengan kenalannya itu.

Ada yang cakap isu seperti ini seeloknya tidak didedahkan dalam media sosial, bagi *Wilayahku* tindakan tersebut ada baik dan buruknya. **WK**

## Asyraf Khalid teruja bertemu Habib Ali, mahu dalami agama

**USAHAWAN** terkenal **Asyraf Khalid** yang juga anak tiri penyanyi ternama Datuk Seri Siti Nurhaliza, meluahkan rasa syukur dapat bertemu dengan tokoh agama yang disegani, Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid di Yayasan Ar-Ri'ayah, Ampang.

Pada pertemuan yang berlangsung selama sejam itu, Asyraf, 30, atau nama sebenarnya Muhammad Asyraf Khalid berkata, dia turut menyatakan hasrat menjadi anak murid Habib Ali bagi membimbingnya ke arah agama yang lebih baik.

"Kalau dulu, saya ada seorang guru iaitu Abuya Habib Naufal dari Sukabumi, beliau yang banyak mengajar saya dalam bab agama dan adab, tapi Allah lebih sayangkan Abuya dan Allah ambil Abuya dulu."

"Jadi, selepas beberapa tahun saya tiada guru khusus bab agama, saya tergerak hati untuk menghubungi Habib Ali dan permintaan saya adalah untuk menjadi anak murid beliau dan mahu beliau membimbing saya

ke arah agama," katanya.

Asyraf yang juga pengasas produk minuman jamu Mutyara bersama isterinya pelakon Tya Arifin berkata, pertemuan itu memberikan banyak pengajaran dan pengalaman baru buat dirinya.

"Terima kasih juga kepada ayah kerana membuka jalan untuk saya bertemu Habib Ali dan *alhamdullillah*, semuanya diper mudahkan."

"Saya fikir, kalau kita nak jadi orang yang baik, kita kena mendekati orang-orang yang soleh."

"Kadang-kadang iman kita ni ada naik turun, tapi untuk kita tetapkan iman kita, kita kena ada seorang guru untuk sentiasa mengingatkan kita," katanya.



DEMI mendalamai ilmu agama, Asyraf Khalid bertuah mendapat bimbining Habib Ali.

## "Demi Allah saya tak tumbuk, pijak" - Sharnaaz

**SETELAH** lebih seminggu dibebaskan daripada tahanan reman pihak polis, pelakon **Sharnaaz Ahmad** akhirnya tampil menjelaskan perkara sebenar berhubung dakwaan melakukan kekasaran terhadap seorang penghuni kondominium di Segambut, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menerusi perkongsian video di laman *Instagram*nya, Sharnaaz manafikan tuduhan yang mengatakan dia menendang serta menumbuk pengadu seperti yang dilaporkan pihak media sebelum ini.

"Demi Allah, saya tak menumbuk, memijak, menendang perut dan mencekik (mangsa). Itu benda karut, saya tak buat. Siasatan dah lengkap serta dah dihantar pada Timbalan Pendakwa Raya."

"Kalau boleh saya tak nak panjangkan cerita," katanya.

Sharnaaz juga berkata buat masa ini, dia tidak dapat mengadakan sidang media seperti yang dijanjikan sebelum ini atas nasihat peguam serta pihak polis.

"Selepas dapat nasihat peguam dan polis, saya rasa lebih baik tunggu keputusan mahkamah keluar. Ini saya *explain* secara ringkas dan padat supaya semua orang boleh faham."

"Di rumah saya ada *guard*, salah satu penduduk iaitu pengadu sedang bergaduh dengan *guard*.

"Saya nampak mereka bergaduh saya cuba pertahan *guard* kerana kita tak boleh tindas orang macam itu dan berlaku kejadian tidak diingini," katanya lagi.

Terdahulu, pihak media melaporkan pelakon lelaki direman tiga hari selepas disyaki menumbuk dan menendang penghuni di kondominium di Segambut, Kuala Lumpur pada 18 Jun lalu.



SHARNAAZ

# MEDIA WARGA KOTA

## Dapatkan

### di lebih 500 lokasi

### terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

\* Maklumat lanjut layari: [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my) \*

**Wilayah Ku**

**MYSmart hala tuju berkelas dunia**

**Bantuan dari peruntukan kewangan kerajaan PN diterus**

**POJO: Dapab lif baru jaga baik-baik**

**Selebriti Ganggu mental bukan gila**

**Resipi: Ikan goreng menu harian Menteri Wilayah**

**Tiada lagi lif rosak**

**74 dikompaun lebih RM415,000 angkara parti hari jadi**

**AKHBAR LAIN**

**SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU**

**Wilayah Ku**

**Hotel percuma: Warga PPR, PA sambut baik PKRCS khas**

**KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL:** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALANMASJIDINDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNGBARU:** YAYASANWILAYAH PERSEKUTUANP ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ TELEVREN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7TELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■ **PUTRAJAYA - PRESINT1:** MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■ **LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LSPA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

# Cekap urus kos, bantu atasi kenaikan harga barang

**PROF MADYA DR SOFIAH  
MD AUZAIR**

**SU** kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang sering diperdebatkan belum menunjukkan tanda akan pulih dalam jangka masa terdekat. Walaupun seakan pasrah, masyarakat masih mengeluh dengan fenomena yang berlaku.

Jika melihat bagaimana isu kenaikan harga ayam ditangani, perbincangan dan perdebatan bagi nyanyian lagu bangau oh bangau.

Keluarga muda juga berhadapan kos penjagaan anak yang tinggi, tidak setimpal dengan gaji diperoleh. Rekod perbelanjaan keperluan asas rata-rata rakyat Malaysia kini menunjukkan trend peningkatan.

Krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19 bukan sesuatu di luar jangkaan. Langkah pencegahan penularan jangkitan diambil kebanyakannya negara seperti penutupan sempadan antarabangsa, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), larangan perjalanan dan penutupan perniagaan secara tidak langsung



**SEORANG pengunjung sedang memilih barang di sebuah pasaraya.**

menjejaskan setiap peringkat dalam rantaian penawaran barang serta perkhidmatan.

Kekurangan penawaran bekalan ini sering diketengahkan sebagai punca utama kenaikan harga. Barang makanan diimport juga mengalami kenaikan harga susulan perang Russia-Ukraine, sekali gus mengakibatkan penawaran berkurang.

Kadar tukaran mata wang tinggi turut menyebabkan kenaikan harga barang. Bagi pengeluar yang

perlu mengimport bahan mentah, ia menyebabkan kos pengeluaran meningkat dan peningkatan kos pengeluaran ini dipindahkan kepada rakyat dalam bentuk harga barang tinggi.

Satu langkah jarang diketengahkan dalam menangani isu kenaikan harga barang adalah kecekapan mengurus kos. Ia tidak mendapat liputan sewajarnya mungkin kerana menguruskan kos memerlukan kesabaran dan penelitian rekod perakaunan.

Mengurus kos bukan semata-mata mengurangkan kos atau menurunkan kualiti barang serta perkhidmatan. Tindakan menjual barang dengan harga sama, tetapi pada kuantiti sedikit tidak langsung menepati maksud mengurus kos.

Sebagai contoh, tindakan sesetengah peniaga pasar malam mengurangkan saiz kuih atau menukar jenis tepung untuk menghasilkan roti canai adalah langkah jangka pendek menangani kenaikan harga bahan, namun dalam jangka panjang ia memberi kesan kepada kepuasan pelanggan.

Dalam mengurus kos, langkah pertama boleh diambil peniaga ialah menyenaraikan aktiviti atau langkah diambil dalam penghasilan barang atau penawaran perkhidmatan.

Daripada senarai langkah biasa dilakukan, peniaga boleh mengenal pasti mana satu daripada kebiasaan ini tidak memberi nilai tambah kepada pengeluaran akhir.

Nilai tambah adalah merujuk kepada apa dilihat sebagai bermakna dari kaca mata pelanggan. Nilai tambah kepada

barang atau perkhidmatan bukan sesuatu bernilai hanya dari kaca mata pengeluar.

Tindakan pengeluar menjustifikasi keperluan naik harga barang dan perkhidmatan seperti dilapor dalam media, tidak membantu meningkatkan nilai tambah barang berkenaan.

Jika aktiviti tidak bernilai tambah ini dapat dikenal pasti dan seterusnya dikurangkan, kos perniagaan dalam penghasilan barang dan perkhidmatan pasti dapat diurus dengan lebih baik.

Menjejak isu penawaran dan permintaan barang dalam menangani kenaikan harga barang dan perkhidmatan, belum tentu ia dapat diselesaikan dalam jangka pendek.

Perniagaan yang cekap mengurus kos akan berupaya meletakkan harga lebih kompetitif dan seterusnya menawarkan barang dan perkhidmatan mampu dimiliki ramai orang.

**Pensyarah Pusat Kajian Perniagaan Global dan Digital Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

**Labuan International SEA Challenge 2022**

**2 JULAI 2022 (SABTU)**

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN**

<b>PUKUL BANTAL</b> <b>PILLOW FIGHT</b> JOHAN : RM 200.00 NAIB JOHAN : RM 150.00 KETIGA : 50.00  <b>KATEGORI LELAKI DAN PEREMPUAN (INDIVIDU)</b> <b>YURAN RM 5.00</b>	<b>MEMANJAT TIANG LICIN</b> <b>POLE CLIMBING</b> JOHAN : RM 350.00 NAIB JOHAN : RM 200.00 KETIGA : 150.00  <b>3 ORANG (LELAKI) (BERPASUKAN)</b> <b>YURAN RM 15.00</b>	<b>MENANGKAP ITIK</b> <b>DUCK CATCHING GAME</b> <b>HADIAH HASIL TANGKAPAN ITIK</b>  <b>KATEGORI LELAKI DAN PEREMPUAN (INDIVIDU)</b> <b>YURAN RM 5.00</b>
--	--	---

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI DI TALIAN 016-8275661 (EN. ROSLAN)**

# Pastikan hanya golongan paling layak jadi pemilik PPR



DR MOHD ZAIRUL  
MOHD NOOR

**B**ARU-BARU ini, kes ubah suai perumahan strata, terutama Projek Perumahan Rakyat (PPR) semakin menjadi-jadi. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) dengan jelas menetapkan sebarang kerja pembinaan mengubah suai dan membuat binaan tambahan struktur bangunan sedia ada perlu mendapatkan kelulusan secara bertulis Pihak Berkusa Tempatan (PBT).

Sebarang aktiviti membabitkan perubahan struktur harus mendapat pengakuan jurutera dan arkitek bagi memastikan kerja pembinaan selamat dan tidak mendatangkan bahaya kepada penduduk lain.

Namun persoalan utama di sini, mengikut Akta Pengurusan Strata (Jadual ke-3), jelas dinyatakan pemilik tidak dibenarkan melakukan



sebarang ubah suai terhadap muka hadapan (fasad) merangkumi tingkap luar, balkoni, teres, kawasan terbuka dan bahagian kelihatan dari pandangan luar.

Pemilik juga tidak boleh sekali-kali mengubah pintu pagar utama tanpa kelulusan pihak berwajib. Ini mungkin berita mendukacitakan bagi penduduk strata, namun itu hakikat harus mereka terima apabila membeli hartaan di bawah akta strata.

Mengikut akta itu, 'kediaman

berstrata seperti flat, apartmen dan kondominium terikat dengan Akta 757 yang mana lot petak hanya terhad kepada keluasan petak dibeli sahaja.'

Persoalan kedua, secara umumnya, pemilikan perumahan kos rendah atau PPR selalunya diberikan kepada pemilik kurang berkemampuan. Mereka ini diberi pemilikan kerana tidak mampu membeli rumah biasa yang ditawarkan pemaju perumahan komersial.

Oleh itu, kerajaan memberi subsidi bagi membantu mereka, terutama golongan B40 memiliki perumahan kos rendah. Namun bagaikan 'diberi betis mahukan paha', golongan ini seolah-olah tidak berterima kasih.

Sebahagian daripada mereka sebenarnya mampu berpindah dan memiliki kediaman lebih selesa namun mengambil pendekatan untuk terus tinggal di penempatan sedia ada dan melakukan pengubahsuai yang kadangkala tidak masuk akal.

Sekiranya ketika peringkat

awal pemilik memang tidak berkemampuan tetapi kemudian mampu membuat ubah suai kediaman, sudah tentu pemilik mempunyai kehendak tambahan dan ini tidak sejajar dengan konsep asal pemilikan PPR iaitu untuk membantu golongan tidak berkemampuan.

Ada juga kalangan pemilik rumah PPR meletakkan kon di ruang parkir disediakan bagi kemudahan penduduk seperti mereka membayar ruang parkir berkenaan.

Lebih buruk lagi, ada pemilik membina struktur berbumbung bagi memastikan kereta mereka terjaga daripada bahang matahari dan hujan. Ini juga menimbulkan perasaan tidak puas hati penduduk lain kerana mereka berhak mendapat akses kepada kemudahan itu.

Di samping itu, tidak kurang juga rungutan diterima daripada penduduk di sesetengah kawasan PPR yang mana pengurusan sampah tidak teratur, pengurusan Jawatankuasa Majlis Bersama (JMB) sambil lewa mungkin disebabkan

tidak dapat memungut kos penyelenggaraan daripada pemilik rumah culas membayar dalam tempoh waktu ditetapkan.

Di sesetengah kawasan PPR, aktiviti menyewa semula (sublet) kepada penyewa lain terutama warga asing turut menjadi isu harus diambil perhatian pihak berwajib.

Pada akhirnya, hak pemilikan PPR harus diserahkan kepada golongan yang layak dan benar-benar memerlukan, bukan diberikan kepada golongan mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem sedia ada.

Sudah sampai masanya, akta sedia ada perlu dikaji semula bagaimana pengurusan PPR boleh ditambah baik supaya perumahan dibina dapat memberi kesejahteraan kepada semua penduduk dan seterusnya membantu golongan lebih memerlukan akses kepada perumahan berkenaan.

**Pensyarah Kanan, Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM).**

## Bangkit... jangan bersedih jika tidak cemerlang SPM



DR MOHD NAZRI  
ABDUL RAHMAN

**S**EBAIK keputusan SPM diumumkan, pelbagai reaksi tergambar pada setiap wajah anak-anak SPM. Ada yang gembira suka keriangan dengan pencapaian gred yang cemerlang.

Usaha yang dicurahkan membuatkan hasil yang setimpal. Namun tidak kurang juga yang duka, sedih dan hilang kata-kata, setelah apa yang diusahakan tidak seperti yang diharapkan. Sesungguhnya, kegagalan lebih memeritkan bagi setiap anak-anak SPM ini. Ini kerana SPM merupakan langkah pertama bagi seorang murid sekolah keluar daripada sistem persekolahan formal/wajib di Malaysia. Justeru kegagalan ini memberi tumparan hebat bagi anak-anak ini untuk mencari arah tuju selepas SPM. Bagaimana membantu anak-anak ini untuk bangun dengan bergaya dan terus menyusun langkah untuk mengapai cita-cita.

Mungkin bagi sesetengah pelajar, mereka sangat jelas dengan laluan kerjaya setelah SPM namun sebahagian besar anak-anak SPM ini sangat berharap sokongan, bantuan dan bimbingan ibu bapa, guru dan komuniti untuk merencanakan langkah buat mereka selepas SPM. Yang pasti ibu bapa yang menyedari potensi dan kelebihan anak-anak mereka pastinya telah mengatur pelbagai alternatif laluan kerjaya bagi anaknya. Walau bagaimanapun,

tidak semua mempunyai peluang, ruang untuk mengakses maklumat ini bagi meneruskan kesinambungan pembelajaran anak-anaknya. Maka, panduan buat pelajar dan ibu bapa khususnya anak-anak lepasan SPM yang baru mendapat keputusan peperiksaan SPM. Sama ada cemerlang maupun tidak, setiap anak-anak SPM mempunyai ruang dan peluang untuk menentukan hala tuju kerjaya masing-masing selepas SPM.

Terdapat pebagai saluran hala tuju pendidikan selepas SPM. Anak-anak SPM perlu mendapatkan maklumat yang lengkap dan jelas bagi setiap laluan kerjaya tersebut.

Hala tuju pilihan pendidikan selepas SPM boleh disandarkan kepada tiga pilihan utama seperti berikut:

a. Meneruskan pengajian dalam bidang pengajian yang diminati. Anak-anak SPM yang bercita-cita meneruskan hala tuju pendidikan dalam bidang akademik boleh mempertimbangkan keputusan SPM dengan kelayakan bagi setiap saluran berikut:

i. Tingkatan Enam – ini antara saluran pilihan utama sebahagian besar anak-anak SPM yang tidak mampu menyambung pelajaran ke tempat lain atau ingin berjimat belanja memasuki Foundation atau diploma. Atau memasuki ingin memperbaiki keputusan SPM sebelum mereka memohon kerja dengan kerajaan. Habiskan pengajian selama dua tahun mereka dan terus memasuki universiti untuk mengikuti pengajian ijazah.

ii. Pengajian Asasi, Matrikulasi

**Sesungguhnya, kegagalan lebih memeritkan bagi setiap anak-anak SPM ini. Ini kerana SPM merupakan langkah pertama bagi seorang murid sekolah keluar daripada sistem persekolahan formal/wajib di Malaysia. Justeru kegagalan ini memberi tumparan hebat bagi anak-anak ini untuk mencari arah tuju selepas SPM.**

atau Diploma – Pelajar yang memperoleh keputusan yang cemerlang, pastinya akan berusaha untuk masuksi program asasi atau matrikulasi. Manakala sebahagian besar pelajar yang berpencapaian sederhana atau kurang akan memilih untuk membuat diploma. Menerusi Program Diploma, anak-anak SPM akan mula meneroka bidang yang diminati dan seterusnya meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam bidang tersebut. Tambahan pula Program Diploma seperti belajar di universiti dan pilihannya lebih terbuka dan peluang untuk memastikan anak-anak SPM meneruskan cita-cita dan impianinya.

iii. A-Level – anak-anak SPM yang berpencapaian cemerlang selalunya akan memilih haluan pendidikan ini kerana ia adalah persediaan terbaik untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

b. Jangan cepat berputus asa sekiranya anda gagal untuk menempatkan diri anda dalam bidang akademik, mungkin anak-anak SPM ini mempunyai kepandaian dan kemahiran dan dalam bidang teknikal. Hari ini terdapat pelbagai laluan pendidikan selepas SPM dalam Bidang Teknikal dan Latihan Kemahiran. Menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dan PhD. Mungkin laluan ini mempunyai kekangan, cabaran dan halangan yang pelbagai iaitu bekerja sambil belajar, namun dalam sistem Perkhidmatan Awam,

mereka boleh meningkatkan status jawatan mahupun gred dengan ijazah yang mereka peroleh. Justeru, anak-anak SPM, jangan bersedih kerana anda mampu mengapai cita-cita anda dengan pelbagai pilihan yang ada dalam haluan pendidikan selepas SPM di Malaysia. Pilihan ini semakin popular dalam kalangan anak-anak SPM hari ini memandangkan saingan dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Anak-anak SPM, kalau gagal kali ini, bangkit dan cuba sekali lagi (duduki semula SPM) baiki mata pelajaran yang diperlukan sebagai kelayakan untuk mengikuti pengajian dalam bidang tertentu. Jika tidak, mengapa tidak anda memberanikan diri untuk berkerja sambil belajar, dapatkan pengalaman dan pada masa yang sama fahami keperluan bidang yang anda minati untuk meneruskan pengajian. Kemudian masuklah kelas hujung minggu atau malam di kolej atau kolej universiti untuk meneruskan cita-cita anda. Tips yang paling baik pada masa selepas mendapat keputusan SPM ini adalah baca buku dalam bidang anda minati, tanyalah orang yang telah berjaya dalam bidang tersebut kemudian ikut laluan tersebut. Kadang-kala, laluan itu mungkin jauh sedikit tetapi ia tetap sampai ke destinasi.

**Selamat maju Jaya.**  
**Penulis merupakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya atau Pensyarah Kanan.**

# "Perlu berkebun atasi krisis makanan" – Dr Fakar Faris



DEEL ANJER

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri menyarankan agar rakyat saling membantu dalam isu keselamatan makanan di negara ini yang berada pada paras membimbangkan. Tidak dinafikan isu Perang Rusia-Ukraine yang berpanjangan akan menyebabkan gangguan kepada keselamatan makanan dalam jangka panjang memandangkan sekatan terhadap Rusia akan memberikan impak buruk terhadap pasaran global. Bukan itu sahaja, ketidakstabilan ekonomi serta isu pemanasan global juga menyebabkan negara kini berada di ambang krisis makanan. Persoalannya, apakah usaha dan strategi untuk memastikan kita mampu mengeluarkan makanan ketika berdepan dengan pelbagai cabaran?

Merungkai permasalahan ini, Doktor Veterinar yang juga Pengarah Urusan di kilang makanan ternakan Thoyyiba Animal Nutrition, **Dr Fakar Fariz Abdul Wahab** mengesyorkan agar rakyat bersatu dalam berhadapan isu keselamatan makanan.

Dalam masa yang sama, pemilik Syarikat MyTernak Trading ini juga menekankan soal tanggungjawab semua agar memainkan peranan masing-masing.

**WILAYAHKU:** Apakah definisi krisis makanan?

**DR FAKAR:** Bukan hanya di Malaysia sahaja, malah banyak negara lain yang turut di ambang atau sedang mengalami krisis makanan. Maksud krisis makanan adalah stok makanan manusia sudah berkurang dan susah untuk didapati. Negara yang mengeluarkan bahan mentah atau makanan menyimpan stok makanan untuk keperluan mereka sendiri. Dulu mereka boleh eksport bahan makanan mereka tetapi sekarang tidak lagi kerana bekalan yang ada hanya cukup untuk rakyat mereka. Jadi bagi negara yang banyak mengimport bahan makanan mula mengalami krisis. Sebenarnya masih cukup untuk waktu tertentu namun dikhawatir keperluan tersebut boleh habis.

**WILAYAHKU:** Apabila negara di ambang krisis makanan, apa yang perlu rakyat lakukan?

**DR FAKAR:** Sebelum ini rakyat kita sudah terbiasa atau selesa kerana mendapat bekalan makanan dari negara lain. Jadi sekarang setiap orang daripada kita harus berfikir macam cara untuk menghasilkan makanan seterusnya mengurangkan kebergantungan



**PENANAMAN** sayuran seperti lobak, sawi, bayam dan buah-buahan merupakan antara usaha menghidupkan tanaman sebagai bekalan makanan.

terhadap makanan import.

Misalnya orang yang berada di kampung-kampung yang ada tanah bolehlah diusahakan. Sekurang-kurangnya mereka boleh menanam makanan ruji seperti jagung, sayur, buah-buahan dan sebagainya. Maknanya, ada juga usaha menghidupkan tanaman sebagai bekalan makanan.

Bagi yang sudah ada tanaman ruji, boleh terus berusaha untuk tingkatkan pengeluaran mereka. Mereka yang tinggal di bandar pun boleh lakuk perka yang sama. Sekarang sudah ada banyak teknologi untuk menternak dalam kawasan bandar, menanam pokok sayur dengan cara hidroponik.

**WILAYAHKU:** Boleh buat juga ternakan ikan dan tanam sayur dengan kaedah aquaponik. Tiada alasan. Semua orang kena saling membantu dalam menghasilkan sesuatu untuk mengelak berlakunya krisis makanan. PM dah umum pasal sekuriti makanan, antara lainnya menggalakkan penanaman sendiri seperti sayur dan sebagainya. Bagaimana doktor melihat usaha ini?

**DR FAKAR:** Saya sangat setuju. Ini kerana semua rakyat Malaysia perlu berbuat sesuatu. Kalau tak boleh (menanam atau menternak), sekurang-kurangnya kita membantu dalam berjimat bekalan makanan. Memang kita ada kemampuan membeli tapi jangan sampai kita melakukan pembaziran. Kita sudah kekurangan makanan. Walaupun kita mampu, janganlah ada pembaziran makanan kerana bahagian tersebut sebenarnya boleh dimanfaatkan oleh orang lain.

**WILAYAHKU:** Sejauh mana usaha menanam atau menternak ini boleh membantu rakyat?

**DR FAKAR:** Sekurang-kurangnya kita sudah disedarkan. Apabila pengumuman dibuat oleh PM, kita semua mula sedar dan peka terhadap isu krisis makanan. Secara tak langsung penternak mula meningkatkan pengeluaran ternakan mereka. Manakala yang belum menternak sudah ada usaha untuk melakukannya. Itu menunjukkan sudah mula ada perubahan.

**WILAYAHKU:** Bagaimana pula jika ada segelintir yang memberi alasan kekurangan modal kerana tiada pendapatan tetap atau dibuang kerja?

**DR FAKAR:** Sebenarnya banyak projek ternakan yang bermula daripada kecil dan tidak semestinya perlu membuka kandang yang besar atau mencari tanah yang luas kerana banyak pilihan yang boleh dibuat oleh

rakyat. Kalau tak mampu jadi penternak, mungkin boleh jadi peniaga kedai makan, terlibat dalam pusat latihan tanaman atau ternakan dan sebagainya. Setiap daripada kita ada kebolehan atau kepakaran untuk menyumbang kepada aspek rantaian makanan ini. Pendek kata, semuanya mengikut kemampuan masing-masing.

Kalau tak ada modal, boleh sumbangkan tenaga dalam bidang berkaitan. Misalnya saya menerusi Syarikat MyTernak Trading memberi peluang kepada mereka di luar sana ceburi bidang pemasaran, jualan dan mendapatkan komisen. Jadi tiada alasan kerana masing-masing boleh menyumbang tenaga atau idea ikut kesesuaian dan kemampuan. Apa yang penting ada semangat saling membantu.

**WILAYAHKU:** Sampai bila agaknya

**Negara yang mengeluarkan bahan mentah atau makanan menyimpan stok makanan untuk keperluan mereka sendiri. Dulu mereka boleh eksport bahan makanan mereka tetapi sekarang tidak lagi kerana bekalan yang ada hanya cukup untuk rakyat mereka. Jadi bagi negara yang banyak mengimport bahan makanan mula mengalami krisis. Sebenarnya masih cukup untuk waktu tertentu namun dikhawatir keperluan tersebut boleh habis.**

krisis makanan akan berlanjut? Bilakah akan berakhir?

**DR FAKAR:** Antara sebab berlakunya krisis ini adalah cuaca yang tidak menentu, pandemik COVID-19 dan perang Ukraine dan Rusia. Kes COVID-19 sudah mula menurun, jadi ada yang perlakan-lahan bangkit. Dari segi cuaca atau pemanasan global yang berlaku sekarang, ia agak sukar kerana itu adalah di luar kawalan kita. Tentang perpelehan pula, jika perdamaian berlaku secara tak langsung membantu dalam mengurangkan krisis makanan. Namun jika ketiga-tiga faktor ini terus terjadi, kita perlu ada perancangan lain agar krisis makanan boleh berakhir. Ini kerana kita sudah mempunyai teknologi untuk mendapatkan hasil tanaman atau ternakan dalam masa yang singkat. Apa yang penting adalah diri kita sendiri dalam menentukan masa depan keselamatan makanan negara kita. **W.K**



**DR Fakar Fariz** menggalakkan industri ternakan untuk kelangsungan bekalan makanan.

Banteras penularan wabak denggi

# Masyarakat diseru berganding bahu



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**S**ETIAP lapis masyarakat perlu berganding bahu dengan menjaga kebersihan persekitaran kediamanan bagi usaha mencegah pembiakan nyamuk aedes yang membawa penyakit demam denggi.

Menurut Ahli Dewan Negara Senator **Datuk Bashir Alias**, Minggu Epidemi (ME) ke-24 tahun ini, sebanyak 15 kes telah dilaporkan berbanding hanya empat kes pada tempoh masa yang sama bagi tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 11 kes atau 275 peratus.

Katanya, keadaan itu amat membimbangkan kepada semua pihak termasuk masyarakat di pulau ini khususnya kerana menunjukkan peningkatan kes yang sangat ketara.

"Setiap individu dalam sesuatu komuniti perlu memainkan peranan. Sikap yang cintakan kebersihan perlu diterapkan di dalam jiwa kita.

"Kita perlu bersatu, berganding



**BASHIR** (dua dari kiri) menggunakan mesin penyembur nyamuk sebagai simbolik merasmikan Program Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes bersempena Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Labuan di Kampung Gersik, baru-baru ini.

bahu dan memainkan peranan aktif dalam usaha-usaha mencegah denggi.

"Sekurang-kurangnya, selaku masyarakat yang bertanggungjawab, usaha memeriksa persekitaran kediamanan selama 10 minit seminggu sekali adalah perlu untuk menghapuskan tempat pembibian nyamuk," katanya pada Majlis

Pelancaran Program Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes bersempena Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Labuan di Kampung Gersik, pada Ahad lalu.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Labuan, Dzulfaizal Ab Manan.



**SUKARELAWAN COMBI, RELA** dan penduduk Kampung Gersik bersama-sama menjayakan Program Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes bersempena Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Labuan, baru-baru ini.

pung agar penyampaian mesej pencegahan aedes dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat.

"Pasukan ini dapat kita gerakkan sekiranya ada pengajuran program kemasyarakatan agar mesej dan maklumat mengenai pencegahan aedes dapat disampaikan kepada semua masyarakat di setiap kampung di pulau ini," katanya. **WK**



**FADILAH** (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada penceramah dan turut disaksikan oleh Hamir (tengah).

## 50 peserta sertai kursus sembelihan

**SERAMAI** 50 peserta yang terdiri daripada komuniti setempat telah berjaya menyertai Kursus Teori dan Praktikal Sembelihan Halal yang diadakan di Masjid Adam Kampung Lajau, baru-baru ini.

Kursus tersebut dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 5 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Labuan, Persatuan Anak Muda Labuan (PAMULA), NISA Labuan dan Sukarelawan Yayasan Islamiah Malaysia

(YADIM) Labuan.

Kursus yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai cara penyembelihan halal haiwan atau ayam mengikut hukum syarak itu telah dirasmikan oleh Timbalan Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Hamir Zahari.

Menurut Pengerusi MPP Sub Zon 5, **Fadilah Eddy Abdul Khalid** peserta turut diberi ceramah mengenai teori penyembelihan seperti hukum, kaedah dan hikmah penyembelihan mengikut cara Islam oleh

tiga penceramah jemputan daripada JAWI Labuan.

Mereka terdiri daripada Ustaz Mohd Zaki Mat Salleh, Ustaz Mohd Najah Haji Elias dan Ustaz Mohd Najeeb Abdul Rahman.

Turut sama menyertai kursus ini ialah Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Wilayah Persekutuan Labuan.

Hadir sama, Pengerusi PAMULA, Mohd Faiz Sahat dan Ketua Sukarelawan YADIM Labuan, Syafiq Zainol. **WK**

## Futsal Komuniti eratkan hubungan di antara MPP dan masyarakat setempat

**PERTANDINGAN** Futsal Komuniti Jemputan Tertutup anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 5 Labuan mengerakkan hubungan antara komuniti dan rakan-rakan strategik.

Pengerusi MPP Sub Zon 5, **Fadillah Eddy Abdul Khalid** berkata program itu berjaya memupuk persefahaman serta menyuburkan hubungan baik dengan rakan strategik melalui aktiviti sukan.

"Kita bersyukur buat jalung kalinya dapat mengjurkan pertandingan ini selepas dua tahun dilanda pandemik

COVID-19 dan kita perlu ambil kesempatan dengan mengadakan program-program yang memberi manfaat kepada komuniti di Labuan.

"Kami merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyokong dan menjayakan program kali ini dan diharap kerjasama ini akan diteruskan dari masa ke masa kerana MPP, komuniti dan agensi-agensi kerajaan perlu bersatu demi menjadikan Labuan kembali rancak serta meriah dengan pelbagai pengisian," katanya ketika ditemui pemberita, baru-baru ini.

Sebanyak enam pasukan

menyertai pertandingan itu antaranya MPP, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan, Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, Persatuan Penggiat Media Labuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan.

Pada perlawangan akhir Pasukan MPP B menewaskan SPRM dengan jaringan 3 – 0.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. **WK**



**FADILAH** (belakang, empat dari kanan) Rithuan (belakang, tengah) bersama pasukan juara Pertandingan Futsal Jemputan Komuniti yang dianjurkan baru-baru ini.



SABRINA SABRE

**B**IARPUN cuaca panas terik, namun ia tidak menghalang lebih 300,000 pengunjung membanjiri Karnival Jom Heboh (KJH) yang diadakan pada 25 dan 26 Jun lalu di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Acara tahunan kegemaran ramai yang dibawakan oleh DuitNow ini kembali membuka tirai selepas tiga tahun berehat susulan pandemik COVID-19 ini menampilkan pelbagai aktiviti dan promosi menarik buat pengunjung yang hadir.

Menariknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sempat turun padang dan meluangkan masa lebih satu jam beramah mesra dengan pengunjung yang hadir.

Beliau menyifatkan program itu merupakan perhimpunan keluarga yang besar selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh beliau pada Oktober tahun lalu.

"Pengunjung yang datang hari ini juga terdiri daripada pelbagai kaum. Ini merupakan perhimpunan besar yang dihimpunkan di bawah Karnival Jom Heboh dan ia selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang saya mahukan."

"Apabila sampai, saya sendiri berasa teruja dengan kehadiran orang ramai yang bukan sahaja datang dari sekitar Kuala Lumpur tetapi juga ada dari Negeri Sembilan, Perak dan Pahang."

"Dari segi pengisian dan aktiviti yang ditawarkan, bermacam-macam perkara yang orang ramai boleh dapat di sini kerana ia bukan hanya untuk orang dewasa, tetapi untuk kanak-kanak dan pencinta kucing macam saya. Lama juga saya habiskan masa di pameran kucing tadi," katanya kepada pemberita

# Perdana Menteri puji penganjuran Karnival Jom Heboh di Putrajaya



ISMAIL Sabri meluangkan masa beramah mesra dengan sebahagian kanak-kanak yang sedang melakukan aktiviti melukis dan mewarna di reruai ketika melawat tapak pameran pada Hari Rekreasi Putrajaya 2022 dan Karnival Jom Heboh, Sabtu lalu.



selepas meninjau KJH dan Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) 2022 di Anjung Floria pada Sabtu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut meluangkan masa meninjau beberapa gerai pameran antaranya Kelab Kucing Malaysia, Didik TV, Studio A Jom Heboh, Media Prima, Aspirasi Keluarga Malaysia dan Putrajaya Floria.

Tarikan utama KJH pada kali ini adalah belon udara panas yang membolehkan pengunjung meninjau persekitaran Putrajaya hanya dengan membayar RM1 menggunakan aplikasi DuitNow.

Lebih istimewa lagi, pengunjung turut berpeluang beramah mesra dengan artis dan selebriti tanah air di reruai Media Prima Berhad. Antara artis yang turut serta adalah barisan pelakon drama Melur Untuk Firdaus dan Risik Pada Hati iaitu Meerqeen, Anna Jobling, Zara Zya, Ummi

Nazeera dan Sophia Albarakah.

Turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Pengurus Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dan Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima, Datuk Michael Chan.

## HRP 2022 SARAT AKTIVITI MENARIK

SELAIN KJH, Anjung Floria turut dimeriahkan dengan HRP 2022 dengan pelbagai aktiviti menarik seperti senamrobik, berbasikal, memanjat pokok (*Tree Climbing*), *Flying Fox*,

Fiesta Pencinta Haiwan Putrajaya (PALoF), Bandar RV, Pertandingan Memancing, Cabaran Menangkap Ikan Toman (*Toman Challenge*), zumba, Cabaran Papan Luncur dan aktiviti meniti di antara pokok (*Branch Walk*).

Di samping itu, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti bermandi-manda dan bermain pasir bersama keluarga di pantai buatan Floria sepanjang 100 meter (m) dengan keluasan 600m persegi di Anjung Floria.

Bukan itu sahaja, para pencinta haiwan turut berpeluang melawat pameran dan pertandingan kucing serta mendapatkan makanan kesihatan, produk peralatan penjagaan, pendidikan dan permasalahan haiwan kesayangan di PALoF.

Tampil dengan gaya lasak dan terkini dalam

dunia pengembalaan di Malaysia, Bandar RV di HRP menghimpunkan 25 kenderaan rekreasi (*recreational vehicles*) jenis karavan, motorhome dan campervan yang memenuhi pesisir tasik Anjung Floria.

Menarik lagi, program anjuran Perbadanan Putrajaya ini turut menyajikan pelbagai makanan dan juadah menarik untuk pengunjung antaranya adalah Desa Kopi, Food Truck dan Pesta Durian bagi menggalakkan pengusaha kecil dan usahawan muda tempatan mengetengahkan produk mereka secara meluas kepada orang awam.

Terdahulu, HRP 2022 julung kali diadakan bertujuan mempromosi Putrajaya sebagai Bandar Rekreasi serta menjadi lokasi tarikan pelancongan dan menjana pendapatan ekonomi setempat. **WK**



SAYA datang dari Johor, ini merupakan kali pertama saya dan kawan-kawan menghadiri KJH dan melihat sambutan sangatlah memberangsangkan. Banyak cabutan bertuah dan hadiah menarik boleh didapati di khemah jualan selain banyak promosi ditawarkan sepanjang karnival berlangsung.

**NUR DIYANA ISLAM, 27**  
Aktauntan



SAYA datang dari Johor, ini merupakan kali pertama saya dan kawan-kawan menghadiri KJH dan melihat sambutan sangatlah memberangsangkan. Banyak cabutan bertuah dan hadiah menarik boleh didapati di khemah jualan selain banyak promosi ditawarkan sepanjang karnival berlangsung.

**MUHD HAFIZ AZLI, 31**  
Eksekutif Jualan



SAYA sudah lama tak menghadiri sebarang karnival seumpama ini kerana bimbang dengan penjarakan sosial tetapi saya amat berpuas hati dengan penganjuran KJH kali ini yang diadakan di kawasan yang lebih besar serta sesuai untuk membawa anak kecil.

**MARCUS LIM, 25**  
Pengurus Restoran

## Reaksi

# Di sebalik kejayaan usahawan Sambal Garing Humey Labuan



KHAIRUL IDIN

**T**INGGAL dikelilingi lautan yang kaya dengan sumber hidupan laut membuatkan **Saiyidatul Syahirah Jasney**, 31, mengusahakan perniagaan berdasarkan produk laut yang siap diproses iaitu sambal garing.

Bermula dengan Sambal Garing Ikan Kekek dua tahun lalu ketika negara dibadai pandemik COVID-19. Kini ibu kepada tiga cahaya mata itu boleh berbangga dengan kejayaannya mengembangkan perniagaan Sambal Humey yang diusahakannya sehingga meraih pendapatan lumayan.

Bermodalkan RM50 pada awal perniagaan, kini mampu menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan.

Akuinya permulaan mencebur bidang perniagaan bukanlah suatu perkara mudah apabila dia perlu berani dan bersabar menghadapi pelbagai rintangan serta cabaran terutama ketika mahu mengetengahkan produknya kepada orang ramai.

"Saya tekad mahu mengubah kehidupan dan dirinya melalui perniagaan yang diusahakan di Kampung Bebuloh Laut iaitu sambal garing berdasarkan ikan bilis, ikan kekek dan udang geragau.

"Pada awalnya, saya hanya menyediakan 10 botol sambal dan menjualnya secara dalam talian sebagai percubaan. Risau juga menanti respons mereka tetapi *alhamdulillah* saya tidak menyangka Sambal Ikan Kekek yang saya buat laris dan ternyata ia disukai ramai kerana rasanya yang unik dan di situlah bermulanya terdetik semangat



**SAMBAL GARING HUMEY** terdiri daripada pelbagai pilihan seperti udang geragau, ikan kekek dan ikan bilis yang pastinya menjadi buruan pelanggan di Sabah.

untuk meneruskan perniagaan ini," katanya ketika ditemui *Wilayahku*, baru-baru ini.

Menurut pemegang Diploma Pengurusan Hotel dan Katering, Politeknik Kota Kinabalu, dugaan bermula sememangnya berat dan segalanya tidak mampu ditempuhinya seorang tanpa ada sokongan dan dorongan daripada tulang belakangnya iaitu suami tercinta, Mohamad Maznan Sabtu, 32.

"Suami adalah tulang belakang saya yang banyak membantu dari segi mental dan fizikal malah dia dan ahli keluarga lain tidak putus-putus memberikan sokongan dan kata-kata semangat agar saya terus cekal dan berani menempuh cabaran dalam perniagaan.



SAIYIDATUL

"Berkat ujian itu, permintaan Sambal Humey terus meningkat apabila ia mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sememangnya pensijilan ini membuatkan pelanggan merasa terjamin untuk membeli sambal garing tersebut," katanya yang mahu meluaskan lagi perniagaan ini ke peringkat lebih tinggi.

Menariknya lagi, Sambal Garing Humey ini juga berjaya memenangi Geran Idea Perniagaan dan dianugerahkan wang tunai bernilai RM20,000 dan menjadikan duit tersebut sebagai modal untuk membeli peralatan baru.

"Kini, saya mampu mengeluarkan 300 hingga 1,000



## Info

- **Alamat:** Lot No 2, Bengkel Pemprosesan Makanan, Kampung Bebuloh, 87000 WP Labuan

- **No telefon:** 013-760 0706

- **Media sosial Facebook:** Sambal Humey HQ

- **Bagi mereka yang berada di Semenanjung boleh mendapatkan produk Sambal Humey menerusi ejen kami di:**

Solo Borneo Mart Atau boleh terus membuat tempahan di Shoppe ejen kami iaitu <https://shopee.com.my/liyanalily>

- **Senarai produk dan harga:**

1. Sambal Garing Ikan Kekek Spicy Ori
2. Sambal Garing Ikan Kekek Spicy Korean
3. Sambal Garing Ikan Bilis
4. Sambal Garing Udang Geragau

**Harga Botol:**  
RM14.90 - Sabah/Labuan  
RM17.90 - Sarawak/Semenanjung

**Harga Travel Pack:**  
RM11.90 - Sabah/Labuan  
RM13.90 - Sarawak/Semenanjung

## Reaksi pelanggan

"SETIAP kali berbelanja di pasar raya pasti saya akan membeli Sambal Humey ini. Bagi saya jika makan tanpa sambal ini rasanya tidak lengkap kerana ia sesuai dimakan bersama nasi putih tanpa sebarang lauk-pauk pun sudah membangkitkan selera."

Renarahni Guspini, 35

"BAGI saya rasa Sambal Humey ini amat sedap dengan keranggupannya ikan bilis menambahkan lagi kenikmatan ketika makan."

Hampir tiga tahun saya membeli Sambal Garing Humey ini. Tentu sahaja rasanya tidak berubah dan kelazatan itu masih dikekalkan.



Masjawati Matin, 40



**SAIYIDATUL** (kanan) tekad meneruskan perniagaan Sambal Humey selepas mendapat sokongan daripada suami.



DIANA AMIR

**S**ETELAH dua tahun tidak dapat dianjurkan ekoran pandemik COVID-19, kini acara tahunan Floria Diraja Putrajaya atau Royal Floria Putrajaya (RFP) 2022 bakal berlangsung selama tujuh hari bermula 29 Ogos hingga 4 September 2022.

Bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya, Festival Bunga dan Taman bertaraf antarabangsa ini turut mengambil kira Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang ke-25 Tahun pada 29 Ogos 2020 serta Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 pada 31 Ogos 2022.

Penganjuran festival kali ke-12 yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) ini mendapat sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang festival yang akan berlangsung bulan hadapan, *Wilayahku* sempat menemu bual Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Taman, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya, LAr. Haslinda Khalid.

**WILAYAHKU:** Boleh terangkan sejauh mana festival ini berjaya sejak mula ia dianjurkan pada tahun 2007?

**HASLINDA:** Festival Floria Diraja Putrajaya telah berupaya meningkatkan tahap dan kualiti penganjurannya serta mempunyai jenamanya tersendiri. Pameran bunga-bunga ini juga telah mencapai tahap ke peringkat '*international standard*' pada setiap kali dilaksanakan.

Ia juga menyumbang kepada menjadikan Putrajaya sebagai *Vibrant City* dan meletakkan Putrajaya dan Malaysia di peta dunia dan dikenali dalam kalangan peminat pesta bunga, industri bunga, landskap dan perkebunan serta reka bentuk dan gubahan bunga dari pelbagai sektor awam, korporat, komersil, persatuan dan institusi pendidikan.

**WILAYAHKU:** Apakah tema Floria Diraja Putrajaya 2022 pada kali ini?

**HASLINDA:** Kali ini kita memilih bunga orkid sebagai bunga tema dan Floria Hebat (*Awesome Floria*) sebagai tema acara. Pemilihan bunga orkid sebagai tema RFP 2022 kerana bunga hiasan ini mempunyai peminat yang ramai dan tersendiri, karakter yang unik, keindahan bentuk dan warnanya yang mempersonakan. Kepelbagaiannya spesis orkid yang berlainan bentuk, saiz, warna dan hybrid akan memeriahkan lagi pameran bunga di Floria Diraja Putrajaya pada tahun ini.

**WILAYAHKU:** Antara keistimewaan acara kali ini?

# 300,000 pokok bunga bakal warnai Floria Diraja Putrajaya 2022



ANTARA pasukan yang terlibat untuk menjayakan RFP 2022.

**HASLINDA:** Tema acara FLORIA HEBAT akan menampilkan banyak keistimewaan di mana festival ini diserikan dengan limpahan pelbagai spesis tanaman dalam anggaran 200,000 hingga 300,000 kuantiti pokok-pokok bunga yang berwarna-warni serta diadun dan disusun dengan reka bentuk taman dan gubahan yang menarik.

Selain itu, pada waktu malam festival ini akan dilimpahi juga dengan pancaran dan kesan cahaya lampu khas (*Special Lighting*) di setiap laluan utama dan kawasan utama sekitar tapak festival.

Menariknya, perasmian Floria Diraja Putrajaya 2022 yang akan diadakan pada 29 Ogos 2022 ini dijangka akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

**WILAYAHKU:** Apakah antara pengisian sepanjang festival ini?

**HASLINDA:** Antara pengisian menarik adalah Pertandingan Orkid, Pertandingan Bonsai, Pameran Orkid VIP, Pertandingan antara Taman-Taman Pameran dalam kalangan peserta dari agensi kerajaan dan swasta, Pertandingan Sekolah dan Universiti dan Taman-taman Khas seperti Taman PPj, Taman Diraja, Taman Khas Putrajaya dan Taman Kaktus, Bromeliad dan Sukulen berkONSEPtan cowboy.

Selain itu, aktiviti khas seperti gubahan bunga, Bicara Taman & Arborikultur, demonstrasi menanam dan menjaga orkid dan bonsai dan acara memasak

juga akan diadakan di sepanjang festival ini.

Tidak ketinggalan pelbagai program dan aktiviti harian menarik, jualan tanaman dan peralatan perkebunan di *Garden Bazaar* serta jualan produk-produk komuniti di bawah Inisiatif Pertanian Bandar akan disediakan di ruang komersil.

Peniaga-peniaga juga ditawarkan dengan lot sewaan sama ada dalam bentuk kios atau *food truck* untuk pelbagai jualan makanan serta minuman dan hiburan kanak-kanak.

**WILAYAHKU:** Antara negara yang turut serta dalam festival ini selain Malaysia?

**HASLINDA:** Penyertaan Antarabangsa dari lapan buah negara juga akan dipamerkan di dalam *Floral Pavilion* di mana negara-negara yang bakal menyertai adalah dari Singapura, China, Jepun, Taiwan, Thailand, Indonesia, Jerman dan USA.

**WILAYAHKU:** Berapa harga tiket bayaran masuk dan pukul berapa ia dibuka?

**HASLINDA:** Bayaran tiket masuk adalah RM15 untuk dewasa, RM5 untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dan percuma bagi kanak-kanak di bawah umur 7 tahun dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Festival ini dibuka pada pukul 9 pagi dan ditutup pada pukul 10 malam setiap hari. Seramai lebih 200,000 pengunjung dianggar dan dijangkakan untuk datang melawat serta berhibur di Floria Diraja Putrajaya 2022 ini.

**WILAYAHKU:** Apakah harapan PPj pada penganjuran kali ini?

**HASLINDA:** Kita menganggarkan lebih 200,000 pengunjung datang melawat dan berhibur di festival kali ini. Semoga ini akan menjadi salah satu produk pelancongan yang utama di Malaysia dan akan menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke Putrajaya.

Dari segi ekonomi pula, diharapkan festival ini dapat membantu merancakkan semula ekonomi terutama dalam industri landskap dan bunga-bunga serta perniagaan yang berkait rapat dengan festival ini.

Diharapkan juga pengunjung-pengunjung yang datang akan merasa lebih gembira dan terhibur meluangkan masa bersama keluarga dan rakan-rakan selain mendapat ilmu dan idea untuk meneruskan aktiviti perkebunan dan hiasan landskap di kediaman mereka kelak. **W.K**



ANTARA jenis orkid yang akan di pamerkan pada RFP 2022.

Jadikan kakak inspirasi dalam sukan kanu

# Aisyah buru emas SUKMA 2022

SABRINA SABRE

**A**TLET kanu Wilayah Persekutuan, Aisyah Farhanah Azwan, 22, mengakui giat mempersiapkan diri sebelum menghadapi kejohanan SUKMA yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur pada September ini.

"Saya sedang menjalani latihan seperti biasa untuk memperbaiki diri sedikit demi sedikit supaya menjadi lebih padu menjelang kejohanan kurang dua bulan dari sekarang," ujarnya yang ingin meraih pingat emas memandangkan SUKMA kali ini adalah yang terakhir buatnya.

Katanya kepada *Wilayahku*, sukan kanu memerlukan latihan yang konsisten bukan sahaja untuk mengekalkan stamina tetapi juga prestasi ketika beraksi dalam air yang amat mencabar fizikal dan mental.

"Saya ingin memberi persembahan terbaik dalam negara



seterusnya ingin menjulang nama Malaysia ke peringkat antarabangsa. Itu adalah cita-cita saya sejak mula menjelaskan kaki dalam sukan ini.

"Biarpun sukan ini masih asing dalam negara tetapi di luar kanu adalah antara sukan popular yang mana prestasi atlet mereka cukup hebat. Semoga atlet kita akan sampai ke tahap seperti itu," ujarnya.

Aisyah Farhanah juga berharap rezeki memihak kepada dirinya untuk menyertai kejohanan di luar negara pada tahun hadapan.

"Kanu adalah sebahagian hidup saya dan ia lebih dekat apabila inspirasi saya adalah kakak saya iaitu Aimi Ayuni juga merupakan atlet kanu dan sering mengikuti pelbagai kejohanan di luar negara.

"Sudah hampir 10 tahun saya berkecimpung dalam sukan ini, setiap kali berkayak pasti saya rasakan satu ketenangan dan ia



AISYAH (depan kiri) ketika latihan bersama rakan-rakan.

merupakan antara cara yang akan dilakukan untuk mententeramkan jiwa daripada tekanan.

"Kanu membuatkan saya berasa

lebih dekat dengan alam semula jadi kerana dapat menikmati pemandangan yang indah. Disebabkan itu, saya sayang untuk

## Pencapaian Aisyah Farhanah

2022 - Sukan SEA - Tempat ke-5 (Acara K2 500m dan 1,000m)

2019 - ICF Junior and U23 World Championship Pitesti, Romania - Tempat ke-11 (Acara 1,000m)

2018 - Tanjung Pinang International Dragon Boat Race - Tempat ke-4

meninggalkan dunia kanu ini," kata pelajar jurusan Ijazah Sains Sukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini.

Bercerita lanjut tentang sukan yang diminatinya, anak bongsu daripada enam orang adik-beradik ini berkata, dia bersyukur kerana keluarganya menjadi penguat semangat untuk dia kekal dalam sukan ini. **WK**



## Sukan Komanwel: Dhabitah antara disebut pembawa Jalur Gemilang

RATU terjun negara Nur Dhabitah Sabri, antara nama disebut-sebut sebagai pembawa Jalur Gemilang di Sukan Komanwel Birmingham 2022 bagi menggantikan pemain skuasy wanita S. Sivasangari yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Ketua Kontinen (CDM) Malaysia ke Sukan Komanwel Birmingham 2022 **Datuk Shahru Zaman Yahya** bagaimanapun berkata perkara itu akan diputuskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dalam masa terdekat sebelum tarikh akhir ditetapkan pada 15 Julai depan.

"Ada kemungkinan Nur Dhabitah yang akan menggantikan beliau (Sivasangari) namun semuanya akan diputuskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang dipengerusikan Presiden MOM

Tan Sri Mohamad Norza Zakaria," katanya.

Shahrul Zaman yang juga Pengurus Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Perak berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Konvokesyen ke-25 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh.

Sivasangari yang dipilih sebagai pembawa Jalur Gemilang ke Sukan Komanwel bersama atlet powerlifting Bonnie Bunyau Gustin, mengalami kecederaan di kepala dalam kemalangan melibatkan sebuah lori dan kereta di Lebuhraya Maju Expressway pada 3.46 pagi Ahad.

Atlet berusia 23 tahun itu dijangka memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan untuk sembuh sepenuhnya sebelum dapat kembali ke gelanggang.

Mengulas lanjut, Shahrul Zaman berkata mesyuarat itu juga dijangka membincangkan berhubung semakan semula sasaran tujuh pingat emas berikut penarikan diri jaguh perseorangan lelaki profesional negara Lee Zii Jia daripada menyertai temasya sukan itu.

"Kita perlu berdiri di bumi yang nyata apabila kehilangan prospek pingat dengan penarikan diri Lee Zii Jia."

"Namun, kita menaruh harapan kepada semua yang telah melayakkan diri ke Birmingham untuk menyumbang pingat, cuma kita tumpukan pada unjuran berapa yang kita boleh capai termasuk berdasarkan kepada pencapaian pada Sukan Komanwel empat tahun lepas," katanya.

Sukan Komanwel Birmingham 2022 dijadual berlangsung pada 28 Julai hingga 8 Ogos. - BERNAMA

## Kejohanan Dunia: Pandelela rangkul gangsa di Budapest

RATU terjun negara, **Datuk Pandelela Rinong Pamg** terus mengharumkan nama Malaysia di pentas tertinggi selepas meraih pingat gangsa 10 meter (m) platform wanita Kejohanan Dunia 2022 di Budapest, Hungary.

Kejayaan itu menyaksikan Pandelela menyamai pencapaianannya pada Kejohanan Dunia 2015 di Kazan, Rusia dan memperbaiki kedudukan kelima yang diraih pada edisi 2019 di Gwangju, Korea Selatan.

Pada aksi final yang berlangsung di Arena Duna, penerjun berusia 29 tahun itu mengumpul 338.85 mata dalam keseluruhan lima

terjunan untuk memastikan kedudukan podium dalam genggamannya.

Juara dunia 2019 dan pemenang pingat perak Sukan Olimpik Tokyo 2020 berusia 16 tahun Chen Yuxi, dari China merangkul emas selepas mengumpul 417.25 mata sementara rakan sene-gara berusia 15 tahun yang juga pemenang emas Olimpik Tokyo Quan Hongchan membawa pulang perak dengan kutipan 416.95 mata.

Pandelela yang memenangi pingat emas kejohanan terjun Piala Dunia 2021 di Tokyo, merupakan atlet paling senior dalam acara 10m platform wanita di Budapest. **WK**



PANDELELA bersama pingat gangsa yang berjaya diraih baru-baru ini.



## Pelajari seni silat mampu tangani salah guna dadah

AZLAN ZAMBRY

**G**OLONGAN belia dan remaja khususnya di Kuala Lumpur di nasihatkan untuk mempelajari seni silat bagi mengelakkan dari terlibat dalam aktiviti jenayah terutama penyalahgunaan dadah.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata melalui aktiviti yang dijalankan, ia mampu membendung sebarang salah laku yang boleh menjurus ke arah jenayah serta boleh membentuk karakter seorang pemimpin.

"Memandangkan ketika ini seni silat menjadi salah satu aktiviti wajib untuk para pelajar, saya sarankan ia diberi perhatian yang khusus supaya generasi muda di Kuala Lumpur dapat memantaukan melalui silat."

"Ia juga mampu menjadi manusia yang berjaya dan memantapkan jati diri serta modal insan unggul yang menuhi aspirasi Keluarga Malaysia," katanya dalam ucapan perasmian SEDAR@Jihad Dadah di Kompleks Beli Belah Wangsa Walk di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Komisioner Polis (CP) Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Chan Hong Jin dan Guru Utama merangkap Pewaris Mutlak Silat Cekak, Dr Md Radzi Hanafi.

Shahidan berkata, jihad yang dimaksudkan di sini adalah perjuangan



SHAHIDAN (tengah) menyaksikan Majlis Penyerahan Cenderahati oleh Md Radzi kepada Ayob Khan sebagai simbolik kepada kerjasama di antara Silat Cekak dengan PDRM.

Keluarga Malaysia dalam menggembangkan usaha dan tenaga bagi memantapkan sinergi keselamatan secara pendekatan pro-aktif bagi mencegah dan membendung jenayah di peringkat komuniti, khususnya di kalangan belia dan anak-anak kita.

"Kita harus ingat bahawa dadah bukan sekadar merosakkan mereka yang menyalahgunakan dadah itu, tetapi merupakan satu elemen kerosakan yang menjurus kepada tercetusnya kejadian-kejadian jenayah narkotik lain.

"Justeru, adalah disarankan agar semua pihak termasuk Institut Pengajian Tinggi (IPT), sekolah-sekolah, agensi kerajaan, pihak swasta dan juga

komuniti setempat untuk memberi sokongan kepada Silat Cekak Pusaka Hanafi Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan AADK dalam menjayakan SEDAR@Jihad Dadah ini," katanya.

Tambahnya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa berbesar hati untuk bekerjasama mengembangkan seni silat dan menyemai semangat cintakan negara di kalangan rakyat sekaligus dapat duduk bersama-sama bagi membincangkan agenda pemeriksaan seni silat ke peringkat lebih tinggi dan memikirkan kaedah tertentu bagi membendung generasi Keluarga Malaysia menjauhi najis dadah melalui aktiviti silat. **WK**

## Kerajaan Ismail Sabri fokus bantu rakyat

**KERAJAAN** pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sentiasa menumpukan kepada usaha-usaha untuk membantu rakyat terutamanya ketika suasana ekonomi yang mencabar ketika ini berbanding perkara lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Idris Ahmad** berkata sehingga hari ini, isu selain daripada kepentingan rakyat termasuklah mengenai Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tidak pernah disentuh oleh Perdana Menteri ketika mempengaruhi mesyuarat Kabinet.

"Dalam Kabinet sebenarnya lebih menumpukan dan membincangkan bagaimana kita nak membantu rakyat terutama dalam suasana ekonomi yang agak berat pada hari ini, macam mana kita nak berikan bantuan sama ada melalui subsidi, melalui program-program jualan murah, itu yang selalu kita fikirkan."

"Dan Perdana Menteri juga minta supaya penumpuan ke arah itu, dia tak sentuh lagi bab berkenaan dengan pilihan raya setakat ini," katanya.

Idris berkata pada ketika ini, setiap pemimpin politik seharusnya mengelakkan diri daripada terlibat dengan perebutan kuasa yang akhirnya hanya akan merugikan rakyat.

Sebaliknya, katanya kedudukan sebagai pemimpin seharusnya dipergunakan dengan sebaik mungkin untuk menjadi pemudah cara kepada kehidupan rakyat.

"Apabila (berlaku) perebutan kuasa, rakyat yang menjadi mangsa. Negara kita (menerima) kesan daripada COVID-19, rakyat baru nak bernafas, tiba-tiba bila kita berebut macam ini akan mewujudkan suasana yang tidak kondusif yang seterusnya akan memberikan kesan kepada ekonomi," katanya.

Justeru, Idris menggesa seluruh pimpinan politik di negara ini untuk mendahului kepentingan rakyat berbanding kepentingan politik masing-masing. **WK**

## Pencapaian luar biasa Aina Abdul jadi inspirasi

DEEL ANJER

**KONSERT** A Night With Aina Abdul 2.0 yang berlangsung di Istana Budaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini berjaya melakar sejarah buat penyanyinya **Aina Abdul**.

Ia bukan sahaja dianggap pencapaian luar biasa bagi penyanyi yang bermula dari bawah ini, malah menjadi inspirasi kepada anak-anak muda.

Sebagai anak muda, Aina akui bukan mudah untuk dirinya sampai ke tahap ini jika tidak disertai dengan azam serta pengorbanan yang besar.

"Mungkin ada yang menganggap perancangan saya untuk mengadakan konsert adalah tidak masuk akal. Namun demi merealisasikan konsert ini saya kena hadiri

banyak mesyuarat yang tidak biasa saya lakukan sebagai seorang penyanyi.

"Saya bukanlah seorang yang tahu bercakap mengenai perniagaan atau kewangan. Tapi saya cuba belajar dan bersyukur apabila konsert ini menjadi lebih baik dari apa yang dirancang."

"Rujukan di YouTube dan melihat persembahan penyanyi antarabangsa membantu memberi idea terutama ketika menukar baju dalam tempoh yang singkat," katanya.

Menurut Aina, perjalanan menuju konsert terbabit tidak semudah yang disangka apabila banyak isu lain yang tidak berkaitan diperkatakan mengenai dirinya hingga berasa tertekan.

"Cabaran terbesar yang saya

rasakan adalah apabila menjelang konsert orang bercakap tentang perkara tidak berkaitan. Itu membuatkan saya penat."

"Mungkin salah saya sendiri kerana banyak membaca komen-komen dalam media sosial sehingga memberi kesan kepada saya."

"Saya sendiri tidak ingat berapa kali menangis setiap kali mengadakan perjumpaan bersama pasukan saya untuk konsert ini. Bagaimanapun pengurus saya ingatkan supaya kurangkan masa dengan media sosial dalam tempoh seminggu sebelum konsert."

"Selain itu, saya rasa amat lega dapat lepaskan segala kekecewaan dalam semua lagu yang disampaikan pada konsert ini. Saya harap penonton berasa puas dan 'enjoy'

dengan persembahan saya," katanya.

Menerusi konsert terabit, Aina mengenakan tiga persalinan yang bersifat ekstravaganza sepanjang dua jam konsert berlangsung dan salah satunya direka oleh Melinda Looi yang menggunakan rambut sebenar.

Aina menyanyikan hampir 26 buah lagu. Antaranya Sepi, Semalam, Sumpah, Nada Kalbu, Terus Hidup, Kelip-Kelip dan Maybe selain lagu terkenal seperti Mengapa, Listen, Cinta Sejati, Pengako Sa Yo dan banyak lagi. **WK**



AINA  
ABDUL